Annual Conference on Islamic Studies (ACIS) Ke - 10 Banjarmasin, 1 – 4 November 2010

Islam dan Kedinamikan Lokal Di Malaysia: Adaptasi, Harmoni dan Konflik

Mansor Mohd Noor*

Pendahuluan

Agama mempunyai pengaruh sebagai alat integratif dalam masyarakat di mana kegiatan beragama mempunyai nilai fungsional kepada kesejahteraan hidup manusia, di mana ia berperanan mengatur sistem moral dan sosial masyarakat hingga lahir pengadaptasi dan keharmonian dalam kehidupan masyarakat. Sarjana dari dulu lagi berpendapat dimensi agama mempunyai peranan untuk membentuk manusia menjadi pendorong, pengatur dan penjana pembangunan tamadun di muka bumi ini.

Tetapi perbahasan tentang Tuhan dan agama terbuka luas untuk dimanipulasi dan diselewengkan oleh manusia hingga boleh membawa kepada berlakunya konflik yang melahirkan kesengsaraan, kezaliman, penindasan dan kehancuran kehidupan manusia itu sendiri.

Perlu kita sedar artikel ini bukan cuba menghukum agama tetapi satu percubaan untuk memahami kuasa imaginasi agama dalam berhadapan dengan cabaran hidup dan kehidupan bermasyarakat yang pasti akan mempengaruhi arah, bentuk dan kedinamika agama Islam di Malaysia.

Takrif Agama

Sarjana klasik mentakrif agama sebagai kepercayaan dalam makhuk kerohanian (Tylor 1903). Durkheim pula berpendapat kita perlu memberi fokus kepada pengamalan dan tindakan manusia itu dan bukan semata-mata persoalan keyakinan dan kepercayaan. Durkheim (1915:47) mentakrif agama sebagai *a unified system of beliefs and practices relative to sacred things, that is to say, things set apart and forbidden -beliefs and practices which unite into one single moral community called a Church all those who adhere to them*. Bagi beliau agama adalah satu kesatuan sistem kepercayaan dan amalan berhubungan dengan kerohanian dan individu terlibat akan berada dalam satu jemaah atau kumpulan. Keadah takrifan struktur fungsional oleh Durkheim juga mempengaruhi Yinger (1970:7) di mana dia berpendapat agama adalah *"...a system of beliefs and practices by means of which a group of people struggles with the ultimate problems of human life"*

Dari perspektif sosiologikal berdasar perbahasan konsep agama di atas, artikel ini mentakrif agama sebagai satu set keyakinan dan amalan yang seseorang individu pegang

* Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia 2010
mnmansor@ukm.my

dan laksanakan secara bersendirian dan atau bersama individu-individu lain untuk menyubur kehidupan dan berhadapan dengan cabaran hidup yang mendatang.

Pendekatan Kefahaman Agama

Ada dua pendekatan untuk memahami agama dan kedua-dua pendekatan ini perlu dibezakan; 1) Kefahaman agama sebagai mutlak dan 2) Kefahaman agama sebagai interpretatif.

Pendekatan kefahaman agama sebagai mutlak berpegang dengan status kemutlakan pada Tuhan, Nabi-Rasul dan buku suci agama. Dalam ketiadaan Nabi-Rasul seperti di akhir zaman ini, ulama, institusi dan pergerakan agama adalah pewaris kenabian-kerasulan. Manakala pendekatan kefahaman agama sebagai satu tafsiran mengutamakan pengaruh manusia ke atas tingkah laku agama dan bukan semata-mata persoalanan keagamaan dan Tuhan itu sendiri.

Kedua-dua pendekatan dalam memahami agama membawa kita untuk sedar tentang wujudnya perbezaan di antara kenyataan 'apa Tuhan kata' dengan kenyataan 'apa manusia kata Tuhan kata'; yang pertama bersifat mutlak dan kedua bersifat tafsiran, relatif dan spekulatif.

Ini bermakna wacana manusia tentang Tuhan dan agama tidak semestinya menjadi murni dan baik. Wacana manusia tentang hal ini adalah hanya tafsiran dan bukan mutlak. Dari perspektif sosiologi, tuhan dan agama boleh dibentuk. Selari dengan kemampuan manusia membentuk secara social tuhan dan agama, kita perlu sentiasa sedar bahawa agama di dalam kehidupan kita tidak semestinya menjadi penyebab berlakunya kemunduran, ekstremisme dan keganasan; agama, kadang-kadang, menjadi alat yang dilaungkan oleh manusia demi mengejar ganjaran dunia dan menyelesai masalah hidup mereka. Tuhan dan agama menjadi alat untuk digembeling demi mempertahankan dan mengejar kepentingan dunia mereka.

Dengan kemungkinan tuhan dan agama ditafsirkan mengikut pendekatan di atas, tidak mustahil kewujudan tuhan dan agama boleh memberi kesan positif hingga lahir masyarakat makmur, harmoni dan sejahtera, tetapi juga mungkin menuju ke arah kemunduran serta kemiskinan dan lebih merugikan lagi jika ia membawa penganiayaan, konflik dan kehancuran ke atas kehidupan manusia itu sendiri dan negaranya.

Pandangan Keagamaan

Terdapat tiga bentuk pandangan agama yang akan menentukan cara tuhan dan agama ditafsir tetapi juga bagaimana imaginasi agama yang dibentuk itu mempengaruhi tingkah laku mereka. Tiga bentuk pandangan itu ialah tafsiran ketuhanan dan keagamaan sebagai ritual, terbatas dan negatif, mentafsir ketuhanan dan keagamaan dalam bentuk hukum hakam dan retorik dan mentafsir ketuhanan dan keagamaan sebagai penyuburan kehidupan

Pengaruh tafsiran ketuhanan dan keagamaan sebagai ritual, terbatas dan negatif akan melahirkan masyarakat yang mundur dan miskin. Ketuhanan dan agama hanya dilihat untuk menyelesai urusan hidup harian seperti nikah, kahwin, cerai dan mati. Itu pun ketuhanan dan agama dilihat dengan memisahkan persoalan dunia dengan akhirat dan dengan melabelkan dunia sebagai negatif serta akhirat positif. Etos ketuhanan dan keagamaan seperti ini sering dimiliki oleh masyarakat desa dan petani. Mereka bergantung harap pekerjaan dan kehidupan mereka kepada air, angin dan cuaca. Tanpa ilmu sains dan teknologi, agak sulit untuk mereka menguasai persekitaran hidup dan kerja mereka seperti membina saluran tali air, ampangan atau pembenihan hujan semasa kemarau.

Masyarakat bandar dan negara yang sedang membangun tetapi dilanda dengan kemiskinan dan kemunduran akan mentafsir ketuhanan dan keagamaan dalam bentuk hukum hakam dan retorik. Ketuhanan dan agama berperanan untuk membina batas kumpulan sosial mereka yang tidak mendapat menfaat dari transformasi masyarakat yang sedang melanda kawasan dan negara mereka. Ini penting untuk mengekalkan hubungan kepembangkangan di antara kumpulan sosial yang mendapat ganjaran pembangunan dengan kumpulan sosial yang kalah. Perilaku yang sering memilih pendekatan ini kerap wujud di kalangan mereka yang cenderung atau berpendidikan agama.

Kumpulan sosial yang progresif dalam masyarakat desa, pertanian atau maju yang mentafsir ketuhanan dan agama dari perspektif penyuburan kehidupan akan menjana sistem hidup dan tamadun. Tafsiran ini tidaklah asing dari Islam itu sendiri yang menganggap Islam itu sebagai *Adeen* dan cara hidup. Kumpulan sosial yang sering berpegang dengan tafsiran sebegini terdiri dari peniaga, pentadbir, ahli koporat dan kumpulan kelas menengah.

Senario di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai lebih daripada 200 suku etnik. Kebanyakkan etnik ini pula memiliki budaya, bahasa dan agama yang berbeza. Agama yang terbesar dianuti mengikut urutan adalah Islam, Buddha, Tao, Hindu, Kristian, Bahai, agama tradisi dan sebagainya. Perbezaan-perbezaan ciri-ciri kelompok ini tidak semestinya membentuk hubungan di antara satu individu dengan individu lain dari kumpulan yang berbeza ini dalam keadaan salah faham, ketegangan dan akan berakhir dengan konflik. Perbezaan etnik dan agama boleh membina masyarakat kepelbagaian etnik dan agama yang harmoni, aman dan damai.

Pengalaman perjalanan sejarah negara ini telah membuktikan perbezaan etnik, budaya dan agama, mungkin boleh melahirkan suasana salah faham, ketegangan dan juga konflik tetapi gambaran itu hanya mampu menjelaskan sebahagian kecil dari kehidupan rakyat dan perjalanan sejarah negara ini.

Pengalaman konflik berbau agama seperti dengan penjajah Inggeris di beberapa negeri di Tanah Melayu, menentang ideologi komunis Parti Komunis Malaya, rusuhan etnik 13 Mei, penyelewengan aqidah oleh Al Arqam, konflik agama dengan penganut Hindu di Kampong Rawa, bersama merentas batas agama dalam Demonstrasi Jalanan Pergerakan Reformasi, menentang Tuntutan Pilihan Raya Suqui, keganasan pergerakan Al Ma'unah, konflik sosial dan agama di Kampong Medan dan kegiatan parti politik kerajaan dan pembangkang ada masanya telah mencetus ketegangan dalam masyarakat di mana dimensi etnik dan agama digembeling dalam persaingan di antara kumpulan-kumpulan etnik dan agama yang ada di Malaysia. Ada insiden-insiden ini yang telah membawa kepada pertumpahan darah, tetapi kejadian sosial sebegini bukan perkara yang biasa berlaku. Jikalau tumpah darah berlaku pun, ia tidak merebak ke kawasan yang luas dan berpanjangan. Seringkali dapat kita perhatikan insiden konflik sosial ini dapat di atasi dengan baik hingga masyarakat kembali normal dalam jangka masa enam bulan selepas insiden konflik itu.

Namun kemampuan parti-parti politik dari pelbagai etnik untuk berkongsi kuasa berteraskan kepentingan kebudayaan masyarakat setempat telah menjamin kuasa pemerintahan negara kekal stabil hingga ke hari ini semenjak kemerdekaan dicapai dalam tahun 1957 lagi. Kestabilan politik telah melahirkan sebuah kerajaan yang telah mampu meneruskan projek modenisasi negara untuk meningkatkan dan mengagih hasil pembangunan yang telah dirancang dan dilaksanakan itu untuk dikecapi bersama oleh setiap rakyat tanpa mengira perbezaan etnik, budaya dan agama.

Kajian telah menunjukkan rakyat Malaysia mungkin berbeza dari segi etnik, budaya dan agama tetapi perbezaan ini tidak primordial dan mereka diikat oleh norma hidup dan ikatan kewarganegaraan yang dikongsi bersama (Mansor Mohd Noor 1999)

Namun di sebalik kejayaan mengurus masyarakat pelbagai etnik, budaya dan agama ini hingga lahir kemakmuran dan kesejahteraan di negara ini bukanlah satu perkara yang boleh diambil sambil lewa kerana struktur politik, perbezaan dan perbedaan sosial kita mempunyai beberapa kontradiksi yang tersendiri. Pelbagai kontradiksi sosial ini perlu sentiasa diurus demi menjamin keharmonian, keamanan dan kedamaian hingga tertegak kestabilan di dalam masyarakat dan negara.

Namun begitu, hasil pembangunan negara masih menyisih kelompok miskin tanpa mengira etnik dan pemisahan jurang sosial di antara bandar dan desa masih wujud. Manakala pergolakkan di peringkat global yang memisahkan negara kaya dengan negara miskin mengikut pemisah barat-selatan dan Kristian-Islam boleh membuka ruang untuk kumpulan ekstrisme etnik, nasionalisme dan agama menggembeling parameter agama dan Tuhan untuk menegakkan kepentingan dan perjuangan hidup mereka. Atas dasar ini memahami makna, ciri-ciri, rasional dan pendorong yang ada tentang kenapa kelompok agama bertindak untuk mengadaptasi, membina keharmonian, atau pun memilih jalan ekstremisme dan ganas perlu sentiasa dikaji, diperbahas dan diperjelaskan.

Rumpun Melayu, Kesepaduan Agama, Penjajahan dan Modenisasi

Setiap negara dan wilayah melalui pembangunan setempat akan mencetus perubahan sosial hingga berlaku transformasi minda dan kehidupan dalam sesebuah masyarakat itu. Negara moden seperti Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei di Alam Rumpun Melayu pada hari ini telah melalui beberapa proses sejarah sosial yang telah membentuk dan mentakrif semula pembentukan negara bangsa ini melalui transformasi sosial yang sentiasa dinamik di dalam negara masing-masing itu.

KERAJAAN Kesultanan Melayu: Masyarakat Kepelbagaian dan Kesepaduan Agama dengan Politik

Rumpun Melayu sebelum kedatangan penjajah diperintah oleh kesultanan masing-masing. Keagungan setiap kesultanan ini sebagai pusat pemerintahan berubah-ubah mengikut kemampuan mereka menarik pedagang-pedagang dari rantau ini serta dari negara lain dan juga kekuatan mereka untuk mengembang wilayah kekuasaan mereka seperti yang berlaku dengan empayar Majapahit, Melaka, Pasai, Riau, Johor dll.

Setiap KERAJAAN kesultanan Melayu ini diasakan pemerintahan mereka dengan dimensi politik dan agama disatukan di tangan Sultan itu sendiri. Melalui Sultan, pembesar di istana dan di jajahan telah menubuh satu sistem pentadbiran KERAJAAN negeri yang dijalankan berdasar perundangan berteraskan agama.

Walaupun sistem pemerintahan berjalan di setaip KERAJAAN ini, teras pemerintahan adalah fedualisme di mana kuasa mutlak berada di tangan Sultan masing-masing. Manakala, bentuk agama yang diamal dan dibudayakan dalam kehidupan masyarakat lebih berbentuk ritual, terbatas dan terhad. Agama tidak menjadi *ad deen* tetapi peraturan hidup untuk nikah, kahwin, cerai, halal-haram, duniawi-akhirat dan Syurga-Neraka sahaja.

Struktur sosial masyarakat di dalam KERAJAAN kesultanan Melayu ini dibahagikan berdasar darjat sosial dengan sususnan raja, bangsawan dan rakyat. Malahan, rakyat tempatan yang terdiri dari pelbagai suku Melayu, diperintah bersama pedagang-pedagang negara asing dalam kerangka masyarakat pluraliti atau kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan agama.

Kerajaan Kolonial Tanah Melayu: Masyarakat Majmuk dan Pemisahan Agama dengan Politik

Dalam memahami kedinamika agama di alam rumpun Melayu, amat penting kajian transformasi sosial barat dikaji dalam memahami tingkah laku, perancangan dan pemerintahan penjajah Inggeris, Belanda, Perancis dan Amerika Syarikat di negeri anak jajahan mereka di rantau ini.

Barat berdasar pertembungan tamadun di Laut Mediterranean telah mencetus pemikiran sosial di kalangan falsafah Yunani hingga lahir zaman *Enlightenment* yang meyebabkan kuasa mutlak padri dan institusi agama diruntuh. Keruntuhan kuasa kemutlakan penguasa agama telah membawa pula kepada kebangkitan zaman *Renaissance* yang meroboh institusi feudalisme dan memberi kuasa politik kepada rakyat melalui demokrasi berparlimen. Intipati dari perubahan sejarah sosial barat ini, agama telah dipisahkan dari politik dan punca kuasa politik terletak di tangan pemerintahan negara melalui demokrasi. Dalam acuan masyarakat sedemikian, kehidupan dan pemerintahan negara di barat didapati berjalan di atas kepentingan peribadi berteras budaya rasional-legal, hak asasi, undang-undang dan perkiraan pasaran.

Kedatangan penjajahan barat ke alam rumpun Melayu melalui kuasa teknologi perang dan perjanjian telah mengekalkan kedudukan Sultan di setiap negeri dijajah tetapi pemerintahan yang diamalkan memisah politik dari agama. Di Tanah Melayu, urusan pentadbiran negeri berada sepenuhnya di tangan pihak pentadbiran British dan Sultan hanya diberi kuasa untuk menjaga hal ehwal agama Islam seperti nikah, kahwin dan cerai sahaja.

Dengan terlaksananya satu sistem pentabiran berdasar peraturan rasional-legal yang dijalankan di seluruh negeri-negeri yang dijajah, pembangunan pasarana pengangkutan laut dan jalan raya telah memudahkan perjalanan serta pedagangan dan pelaksanaan sistem Torrens sebagai keadah mengurus tanah telah membenarkan tanah mudah dimiliki, terutama oleh kepentingan kapitalis asing dalam perlombongan biji timah dan ladang getah. Buruh asing dari negara China dan India dibawa masuk dengan jumlah yang besar ke Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah dan merubah ratio dan dominasi kependudukan anak watan di tanah air berbanding dengan pendatang asing.

Dasar imigresen yang diamalkan berdasar kepentingan ekonomi dan kuasa politik Inggeris telah membentuk masyarakat majmuk yang terpisah terasing dari satu sama lain di mana setiap etnik dikelompokkan ke dalam kegiatan ekonomi, di reruang fisikal penempatan dan bahasa-budaya hidup dalam masyarakat masing-masing.

Orang China berniaga di bandar-bandar dan menjadi buruh di lombong biji timah, orang India yang boleh berbahasa Inggeris dijadikan pentabir dan yang tidak berpendidikan berkerja sebagai buruh dalam pembinaan jalan raya, keretapi dan di ladang estet getah. Orang Melayu kekal sebagai petani dan nelayan di lembah sungai, bendang padi dan pesisir pantai kecuali golongan bangsawan yang dilatih untuk menjadi pegawai kerajaan.

Kekayaan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah dikaut keluar negara dan memperkayakan empayar British, tetapi pembinaan insan anak watan diabai, dipinggir dan dijalan atas dasar pecah perintah. Maka sekolah kebangsaan hanya dibangunkan untuk melatih anak-anak yang hanya pandai sedikit dari perkerjaan ibubapa mereka yang menjadi petani dan nelayan. Anak-anak raja dan bangsawan diberikan kemudian lebih tinggi dengan tertubuhnya Free School, Malay College Kuala Kangsar dan Raffles College supaya dapat

menjadi pentabir dalam pentadbiran Inggeris. Namum begitu, gereja Kristian diberi kuasa untuk menjalankan sekolah dalam aliran bahasa Inggeris, masyarakat Cina dengan aliran bahasa Mandarin dan pemilik estet dengan bahasa Tamil. Kesemua sekolah ini memiliki guru dan silibus pelajaran yang berbeza hinggakan ilmu tempatan terpisah dari kumpulan etnik yang belajar di dalam bahasa tentang budaya, agama dan sejarah tanah besar mereka sahaja.

Oleh kerana agama diletak di bawah kuasa Sultan, budaya mengurus pentabiran feudal yang telah digunakan telah membiarkan kefahaman agama berbentuk ritual, terbatas dan terhad diteruskan dalam masyarakat tradisional Melayu. Kepimpinan agama tradisional didapati mengadakan kelas pengajian Al Quran secara tidak formal dan majlis pengajian tauhid, fekah, tasauf dan sirah di masjid dan pondok. Mereka didapati terlibat juga dalam pergerakan pemberontakan terhadap penjajah Inggeris di Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Namun pergerakan nasionalisme berteraskan agama di kalangan orang Melayu mudah dipatah oleh Polis penjajah.

Namun begitu, pelajar Melayu yang kembali belajar agama dari Timur Tengah telah membawa pemikiran pembaharuan dalam agama yang melihat agama dalam ruang lingkup yang lebih luas hingga memasukkan pembelajaran matapelajaran akademik seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris, matematik dan sains dalam pengajian di madrasah dan sekolah agama yang mereka anjur. Mereka juga membicarakan kepentingan ekonomi dan politik masyarakat Melayu-Islam dalam media terbitan mereka. Mereka dicap sebagai Kaum Muda oleh golongan agama tradisional yang mendapat sokongan Sultan dan pentadbiran Inggeris.

Struktur sosial dalam masyarakat majmuk yang dibangunkan oleh penjajah Inggeris disusunlapis dengan penjajah Inggeris berada di anak tangga sosial teratas, dikuti oleh bangsawan Melayu, orang Cina, Melayu jelata, bumiputera Sarawak serta Sabah dan India. Ideologi ras menjadi kriteria menyusun darjat sosial masyarakat di era penjajahan Inggeris di Tanah Melayu.

Tanah Melayu dan Malaysia Membina KERAJAAN: Mengurus Masyarakat Kepelbagaian dan Politik Dengan Agama

Budaya pentadbiran rasional-legal dan demokrasi barat terus tersulam melalui proses modenisasi dalam pembangunan negara dan negara bangsa di Tanah Melayu dan Malaysia setelah mencapai kemerdekaan dari tangan penjajah Inggeris. Sedikit perbezaan telah berlaku semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan, di mana akhirnya, dipersetujui atas desakan Sultan dan pemimpin politik Melayu supaya Islam dijadikan agama rasmi negara. Tetapi dari sejak mencapai kemerdekaan hingga 1970an, kepimpinan negara yang sedia ada lebih cenderung untuk berpegang dengan pemerintahan *laissez faire* dan lebih senang mengikut kehendak pragmatik pasaran dengan mengabaikan agama dalam kegiatan politik kecuali sekadar fungsi *ceremonial* sahaja.

Hanya selepas 13 Mei 1969, suara orang Melayu tentang kepentingan agama dalam kehidupan dan pentadbiran negara mula dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam urus tadbir negara. Bermula dengan kempen Bulan Dakwah pada tahun 1980an, ke Islamisasi pentabiran negara hingga terbina Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, sekolah-sekolah agama, Institut Kefahaman Islam (IKIM), Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), kolej-kolej Islam, Bank Islam, insuran Islam, pinjaman Islam, hingga gaji iman dan guru kelas agama fardu ain diselaraskan dan sebagainya. Perubahan yang paling ketara berlaku berbanding dengan initiatif-initiatif menginstitusikan Islam ini terjadi apabila peruntukan untuk memartabatkan undang-undang syariah telah dibuat melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan dan tertubuhnya jentera Mahkamah Syariah di Malaysia yang setara dengan perundangan sivil.

Perubahan ini didorong oleh persaingan politik di antara Parti Agama Islam Se Malaysia (PAS) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebelum pilihan raya 1969 dan kebangkitan kesedaran dan pergerakan agama seperti Angkatan Belia Islam, Yayasan Al Arqam, Jemaatul Tabligh, Jemaah Islah Malaysia, pendakwah bebas, guru pondok, guru-guru agama dan pelbagai pergerakan agama yang lain.

Penyatuan politik dengan agama beracuan modenisasi, rasional-legal dan demokrasi barat membentuk semula budaya pemerintahan di Malaysia ke bentuk KERAJAAN semasa di zaman Kesultanan Melayu dahulu. Pendekatan yang mengabungkan dan menyulamkan acuan peninggalan budaya pemerintahan Inggeris dengan agama di dalam masyarakat Melayu telah mengarus perdanakan Islam dalam pemerintahan dan projek membangunkan negara dan negara bangsanya.

Dengan kestabilan politik yang diperolehi dari sokongan orang-orang Melayu di atas pengukuhan Islam dalam pemerintahan dan kehidupan, KERAJAAN semasa dengan kerjasama etnik dan agama lain, telah berjaya membawa kemajuan negara sehingga dalam satu generasi rakyat pelbagai etnik dan agama telah mengalami mobiliti sosial dari berkerja sebagai seorang petani dan miskin ke dunia perniagaan dan terdiri dalam golongan kelas pertengahan. Di kalangan orang Melayu dan Islam, sejumlah besar di kalangan mereka didapati telah mengalami mobiliti sosial yang ketara berpindah dari golongan miskin ke golongan kelas menengah. Ini mempengaruhi budaya hidup mereka untuk mengutamakan pendidikan, penghayatan agama, budaya kepenggunaan Islam dan kehidupan yang selesa.

Dalam suasana kestabilan dan kemajuan yang telah dirancang dan dilaksanakan secara rapi oleh KERAJAAN, sulaman acuan rasional-legal dan demokrasi barat telah berjaya membawa agama ke arus perdana, hingga melalui proses modenisasi Islam menjadi satu *adeen* dan cara hidup yang menyubur kehidupan penganut, masyarakat dan negara ini. Islam menjadi progresif yang mampu membawa penganutnya menyumbang kepada kestabilan dan kemajuan negara. Islam menjadi amalan fundamental orang Melayu di Malaysian dari sudut penghayatan tetapi melahirkan budaya hidup yang mendokong kestabilan dan kemajuan serta terasing dari budaya ektrimise dan keganasan. Progresif, saintifik dan moden menjadi ciri utama budaya hidup orang Islam di Malaysia.

DEB, Transformasi Sosial dan Agama Di Malaysia

Ekonomi negara selepas mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 adalah berteraskan pertanian sara diri. Orang Melayu banyak terlibat dalam sektor ini. Orang India pula banyak dibawa masuk dari India untuk menjadi penoreh getah di ladang getah yang dimiliki oleh pemilik asing. Manakala orang Cina terlibat dengan kegiatan pelombongan biji timah dan menjadi peniaga di bandar. Namun begitu pemilikan terbesar perlombongan biji timah dan industri di negara ini berada di tangan pelabur asing. Dasar perindustrian negara pada dua dekad awal setelah negara mendapat kemerdekaan adalah dengan memberi keutamaan kepada industri gantian impot. Namun begitu kebanyakan pemilik industri gantian impot ini adalah juga pemilik asing.

Setelah sepuluh tahun mencapai kemerdekaan, masyarakat yang diasaskan berdasar kepentingan pasaran dan pemilikan pemilik asing mula menunjukkan keretakan setelah pembangunan yang dijalankan itu telah membawa kepada ketidaksamarataan, kemunduran, kemiskinan dan kepinggiran di antara etnik dan wilayah. Kepincangan pembangunan ini telah menyuburkan batas etnik Melayu yang merasakan mereka telah miskin di negara sendiri. Tergugat dengan tekan politik dan kedudukan ekonomi berbanding orang bukan Islam dengan Melayu, masyarakat Melayu mula cenderung kepada agama untuk membina kekuatan kumpulan mereka. Majlis pengajian agama oleh beberapa ustaz telah mula menarik masyarakat di beberapa masjid terutama di Lembah Kelang dan Kuala Lumpur.

Walaupun orang Cina dan India memiliki kedudukan sosio-ekonomi yang lebih baik daripada orang Melayu, mereka juga merasakan pembangunan negara tidak mengubah kehidupan mereka, terutamanya di kalangan golongan berpendapatan rendah di bandar dan miskin di estet. Rakyat juga mendapati pihak kerajaan lebih mendokong kehendak pemilik asing dan perkiraan pasaran hingga membawa kepada keinginan rakyat tanpa mengira etnik untuk merubah politik *status quo* dalam dekad 60an. Penggembelingan etnik dan agama juga dilakukan orang Cina dan India untuk mempamirkan ketidak seimbangan sosial yang berlaku.

Setelah kesemua kumpulan etnik dan agama menggembeling batas etnik dan agama mereka sendiri, perbezaan di antara mereka lebih ditimbulkan hingga tenggelam kemelut sosial yang mereka bersama mengalami hingga menegang hubungan di antara mereka. Setelah dibakar semangat mereka sepanjang kempen Pilihan Raya Umum tahun 1969, rusuhan etnik telah berlaku di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Setelah rusuhan etnik pada tahun 1969 berlaku, beberapa pengukuhan dan perubahan dasar-dasar awam kerajaan telah dilakukan.

Di antara perkara utama yang berlaku, konsep perkongsian kuasa politik telah diperluaskan apabila Parti Perikatan telah digantikan dengan Barisan Nasional dan ditambah jumlah parti-parti politik komponen di dalamnya. Perlembagaan Persekutuan telah dipinda untuk mengelak hasutan yang memanipulasi etnik, agama dan perkara yang

sudah termaktub di dalam Perlembagaan. Penekanan kepada pembangunan ekonomi dengan pengagihan melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga telah dijadikan dasar pembangunan negara. Pengstrukturan semula masyarakat agar kegiatan ekonomi tidak dicorak oleh batas etnik dan kemiskinan dijadikan objektif utama DEB.

Bersama dengan perubahan ini, pergerkan agama di kalangan masyarakat Melayu semakin berkembang bermula dengan pergerakan Jemaah Tabligh, ABIM, Al Arqam dan JIM. Setiap pergerakan ini menjalankan pelbagai kegiatan dakwah dari majlis pengajian, kursus kefahaman dan penghayatan, menjalankan usrah, membangunkan kampung pergerakan masing-masing yang di dalamnya dibina perumahan, persekolahan, kegiatan ekonomi dan pelbagainya.

Di peringkat awal perkembangan pergerakan-pergerakan agama ini, mereka mendapat tempias dari Revolusi Iran. Perkembangan pergerakan Islam di Malaysia mendapat semangat perjuangan Islam dari keruntuhan kerajaan Shah Reza dan kebangkitan Revolusi Iran. Pengaruh ideologi revolusi Iran ini agak ketara dalam PAS yang telah menjadi asas dalam perubahan dasar partinya dari nasionalisme beragama kepada Pembangunan Ummah. Namun demikian, pengaruh ideologi revolusi Iran tidaklah begitu ketara dan mendalam ke atas pergerakan-pergerakan agama Islam yang lain kerana perbezaan pegangan aqidah.

Persaingan untuk mendapat ahli dan pengaruh di tengah masyarakat, terutama di kalangan orang Melayu menjadi sengit. Persaingan di antara pergerakan ini mula menampak keretakan dalam hubungan di antara mereka oleh kerana berlaku amalan 'kafir-mengkafir', terutama ada individu-individu dalam PAS 'menkafirkan' UMNO, ABIM 'menkafirkan' Al Arqam, UMNO 'menkafirkan' Jemmah Tabligh, Al Arqam 'memurtadkan' jemaah lain hingga akhirnya pihak berkuasa bertindak untuk memperkemaskan dan mengarus perdanakan pergerakan-pergerakan ini supaya lebih progresif dan selari dengan acuan Islam ala Melayu.

KERAJAAN telah mentakrifkan Islam di Malaysia mesti berteraskan rasional-legal dan diarus perdanakan melalui proses modenisasi. Negara mengishtiharkan Malaysia adalah sebuah negara Islam dan amalan Islam di Malaysia adalah bersifat Islam fundamental tapi lebih ke arah Islam kesederhanaan dan membangun tamadun. Maka rakyat didorong untuk memilih Islam berbaju Melayu bukan jubah, bersongkok bukan serban, memakai tudung bukan berpurdah dan bukan keadah organisasi berjemaah tetapi berteraskan keluarga asas masing-masing. Dasar acuan Islam pihak pemerintah ini bertembung dengan pergerakan agama yang mungkin progresif tetapi mengutamakan imej Arab dan India telah disisih dan tindakan untuk meminggirkan kumpulan-kumpulan ini dijalankan.

Pendekatan ekonomi dengan pelaksanaan DEB dan program menginstitusi serta mengarus perdanakan Islam melalui projek modenisasi nyata merubah landskap sosial negara. Dengan kejayaan pembasmian kemiskinan, pemodenan masyarakat desa dan kemasukan pelaburan asing dalam industri elektronik, industri berat dan pengeluaran

barang-barang penggunaan harian telah memberi kesan besar ke atas perubahan stratifikasi sosial dalam negara hingga ke hari ini. Rakyat Malaysia dari pelbagai etnik didapati telah mengalami mobiliti sosial di mana golongan miskin telah mengecil dari tahun 1970 dengan 60 peratus ke hanya 3 peratus dalam tahun 2010 dan kelas menengah pula, tanpa mengira etnik, telah berkembang dengan pesat dan bertambah besar jumlah saiznya. Orang Melayu dan yang beragama Islam berubah bersama dengan etnik dan agama lain tetapi tidak menjadi kacang lupakan kulit dengan dimensi etnik dan agama mereka. Kepentingan agama didapati lagi mendapat tempat dalam kehidupan mereka walaupun mereka telah berjaya mendaki anak-anak tangga mobiliti sosial, material dan darjat sosial.

Namun begitu, kegagalan mengenalpasti dan memahami perubahan sosial yang sedang melanda negara akibat dari pelaksanaan DEB dan pertumbuhan ekonomi kepada dua angka kadar pertumbuhan ekonomi sepanjang dekad 80an dan 90an meletakkan negara dalam krisis sosial. Rakyat pelbagai etnik dan agama meletakkan ketidak kemampuan kepimpinan politik negara dan jentera kerajaan yang menyebabkan kepincangan hidup di kalangan golongan pendapatan rendah terjadi.

Pembangunan negara pasca 90an telah membuka reruang fisikal dan sosial baru dengan taburan rakyat pelbagai etnik dan agama telah berubah dan pindah randah melintas batas negeri ke taman perumahan dan pusat pertumbuhan baru. Sebelum 90an orang Melayu berada di desa, Cina di bandar dan India di estet-estet. Tetapi selepas 90an pula orang Melayu telah berpindah dari desa ke bandar, kegiatan bertani ke pegawai kerajaan dan dunia perniagaan dan terkeluar dari golongan miskin ke kelas pertengahan di bandar-bandar besar. Orang Cina didapati masih kekal di bandar-bandar besar tetapi banyak juga yang telah berhijrah untuk membuka perniagaan dan idustri kecil sederhana di kawasan pusat pertumbuhan baru seperti Kemaman-Kertih, Pasir Gudang dan bandar-bandar lain di Malaysia. Manakala orang India yang paling teruji dengan transformasi pembangunan negara ini. Estet-estet di pinggir-pinggir bandar telah dijadikan kawasan pertumbuhan baru dan taman perumahan. Beratus ribu penduduk India terpaksa berpindah ke bandar dengan tahap pendidikan dan kemahiran kerja yang rendah. Kelompok komuniti India di bandar pula, sesetengah sub-etnik India telah mengalami mobiliti seperti Tamil Sri Lanka, Sikh dan mereka yg terlibat dalam perniagaan. Tetapi yang jelas kumpuan sub-etnik Tamil dan Telegu yang berkerja dan yang telah meninggalkan estet, Kereta Api Tanah Melayu dan Jabatan Kerja Raya telah terperangkap dengan putaran ganas kemiskinan dan kemiskinan bersifat warisan.

Akhir-akhir ini timbul beberapa ketidakpuasan etnik dan agama di kalangan penganut bukan Islam, terutamanya yang melibatlkan perkahwinan antara penganut agama lain dengan orang Islam apabila berlaku perceraian, tuntutan pemilikan anak-anak, harta dan lain-lain. Isu tanah perkuburan orang bukan Islam terutama Hindu dan pembinaan kuil serta tempat ibadat agama-agama lain juga semakin ditimbulkan dan mendapat perhatian masyarakat berkenaan. Ini berlaku kerana transformasi sosial yang drastik ke atas mobiliti fisikal dan sosial rakyat Malaysia serta kegagalan perancangan yang rapi berlaku oleh pemerintah hingga kepentingan penganut agama lain diabaikan.

Namun begitu, kejayaan DEB didapati telah berjaya merubah landskap negara hingga rakyatnya bukan sahaja telah berpindah randah dari segi fizikal tetapi juga mobiliti sosial dan terpenting sekali batas etnik dan agama di antara mereka telah menipis. Ini terbukti apabila keputusan Pilihan Raya Umum ke 12, 2008 telah menyatukan rakyat pelbagai etnik dan agama supaya meletakkan kepentingan diri dan keluarga mereka daripada perbahasan alhi-ahli politik yang suka menakutkan mereka dengan perbezaan etnik dan agama. Perubahan kuasa di beberapa negeri dan pengurangan majori parti politik sedia ada di Parlimen ke tangan parti politik pembangkang tidak melahirkan keresahan etnik dan agama seperti yang dijangkakan. Perubahan politik ini berlaku dalam keadaan stabil, harmoni dan damai.

Perubahan senario politik ini telah merubah gaya pemerintahan negara, di mana KERAJAAN perlu dalam membangun negara bertindak untuk merangkumi bersama kumpulan berpendapatan rendah dan rakyat pelbagai bahasa, budaya, dan agama di dalam program-program mereka. Di bawah kepimpinan Perdana Menteri yang ke enam, Mohd Najid Abdul Razak, pembinaan negara bangsa dengan slogan 1Malaysia dan pembangunan negara melalui Model Ekonomi Malaysia, *National Key Result Areas* serta Program Transformasi Ekonomi dan Kerajaan dijadikan paksi perancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK 10). Negara berpendapatan tinggi digariskan sebagai matlamat akhir RMK 10 seperti mana yang disasarkan dalam Wawasan 2020.

Walaupun golongan kelas menengah memiliki norma perbedaan sosial yang recam, namun begitu pembangunan yang tidak seimbang telah melahirkan kelompok sosial yang miskin dan terpinggir hingga lahir sikap tidak senang hati rakyat terhadap kerajaan. Keresahan etnik dan agama lain juga perlu diambilkira jika kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang ada sekarang mahu dikekalkan. Begitu juga dengan kedudukan Islam dalam program-program pembangunan negara dan pembinaan negara bangsa perlu terus menyatukan politik, pembangunan dan agama Islam di dalamnya bersama.

Memahami Etnik dan Agama Dalam Keetnikan di Malaysia

Dengan berlatar belakangkan sejarah sosial penjajah Inggeris dan memertabatkan kembali politik dengan agama dalam urus tadbir negra Malaysia, pembangunan negara dan negara bangsa telah mempengaruhi kefahaman etnik dan kerencaman di kalangan kumpulan mereka.

Kita mesti akur yang negara Malaysia mempunyai rakyat yang terdiri dari pelbagai bahasa, budaya, agama dan tradisi kehidupan. Memastikan kehidupan rakyat pelbagai budaya ini hidup bersatu padu dan berintegrasi di antara satu sama lain sentiasa perlu menjadi matlamat asas dalam mengurus negara ini. Hanya dengan jaminan keharmonian kaum di negara ini sahaja kita akan dapat memastikan pembangunan negara dan pembinaan negara bangs terus maju dan terbina. Dalam senario negera sedemikian, memupuk sikap dan tindakan toleransi dan penerimaan etnik di kalangan masyarakat yang terdiri dari Melayu, Kadazan-Dusun, Bidayuh, Iban, Melanau, Bajau, Senoi, Cina, India

dan 200 lebih suku etnik lain itu perlu terus menerus dilakukan. Orang Melayu, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Cina dan India membina batas kumpulan mereka berdasar bahasa, budaya, agama dan tradisi hidup.

Tahap Keetnikan Melayu

Orang Melayu sangat sensitif jika agama mereka tidak diperakui, diterima dan dihormati oleh kaum-kaum lain. Jadi apabila kita berhubungan dengan orang Melayu, kita perlu perakui dan hormatilah tuntutan agama Islam mereka dengan memahami perkara yang dianggap haram dan amalan-amalan agama yang lain seperti makanan, aurat, solat dan tempat sembahayang seperti surau atau masjid dan sebagainya. Pantang larang agama ini penting dijaga demi mengelak salah faham dan menjaga keharmonian etnik.

Kerencaman Keetnikan di Malaysia

Namun begitu jika dianalisis secara mendalam kumpulan etnik Melayu ini, gambaran yang setiap individu dalam etnik itu terikat dengan ciri-ciri utama kumpulan etnik itu hingga perbezaan yang wujud di antara mereka ada jelas tidaklah begitu tepat. Untuk mengelak dari terperangkap dengan pandangan bersifat dikotomi ini, pengkaji perlu juga mengamati perubahan sosiologikal yang telah berlaku ke atas kumpulan etnik Melayu ini yang telah menjadi rencam sosialnya atau *socially differentiated*.

Kerencaman Kelompok Melayu

Secara kasar kumpulan etnik Melayu ini dapat dibahagikan kepada empat sub-kelompok; kumpulan etnik berteras agama, berteras etnik bahasa-budaya, teras progresif dan teras etno-ekstrimis. Kumpulan etnik Melayu ini memiliki ciri-ciri pembentukan kumpulan yang sama seperti bahasa, budaya, agama, keluarga dan progresif tetapi setiap sub-kelompok Melayu itu mengutamakan satu ciri yang akan menjadi pencorak tingkah laku mereka.

Sub-Kelompok Etnik Melayu Teras Agama

Orang Melayu dalam sub-kelompok ini memiliki kesemua ciri-ciri yang dinyatakan di atas tetapi mereka akan mengukur tindakan, hasil dan kesan tingkah laku mereka berdasar kepentingan agama; apa Allah, Rasul, ulama, tuan guru, ustaz dan haji katakan menjadi rujukan utama mereka. Dalam masyarakat yang sedemikian, ciri-ciri bahasa, budaya, keluarga dan modenisasi digunakan juga dalam mengkategorikan mereka dengan kumpulan besar Melayu tetapi kepentingan ciri-ciri itu hanya menjadi pilihan mereka jika diikatkan dengan dimensi agama Islam itu sendiri; maju tetapi gila dunia, kaya tapi akhlak keji, utamakan 'Melayu' tetapi membelakangkan tuntutan agama Islam ditolak oleh mereka. Dalam masyarakat kelompok Melayu berteraskan agama ini, bicara harian, kehidupan, kegiatan ekonomi dan politik akan dikaitkan dengan tafsiran dan tuntutan agama; pemerintah beracuan daulah Islamiah, pembangunan Hadarah Islamiyah, undang-

undang bukan sahaja sivil tetapi syariah Islam dan sebagainya. Kelompok Melayu berteraskan agama dapat didapati tinggal di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebagai satu kawasan sosiologikal, kawasan ini dipanggil *'the Quranic Belt'* di mana jumlah penduduk di kawasan itu majoriti besarnya adalah Melayu.

Sub-Kelompok Etnik Melayu Teras Bahasa-Budaya

Kelompok Melayu berteras etnik bahasa-budaya ini mengutamakan kepentingan bahasa dan budaya walaupun ciri-ciri lain juga menjadi pembentukan kelompok berteras etnik mereka itu. Individu di dalam kelompok ini amat sensitif dengan penggunaan bahasa dan budaya Melayu di peringkat komuniti dan negara. Mereka akan mempersoal jika bahasa Melayu dan budaya dipersoalkan. Ini dapat dilihat apabila Bahasa Inggeris dijadikan bahasa untuk mengajar Matematik dan Sains, di mana kumpulan yang memprotesnya dan berpendirian untuk mengubahnya balik ke pengajaran dalam Bahasa Melayu terdiri dari mereka dalam kelompok ini. Dari segi kawasan, kelompok berteras etnik Melayu ini dapat diperhatikan menetap di negeri Johor.

Sub-Kelompok Etnik Melayu Progresif

Kelompok Melayu berteras progresif juga memiliki ciri-ciri yang mengikat mereka dengan orang Melayu lain tetapi ciri bahasa, budaya, agama dan keluarga didapati nipis jika dibandingkan dengan kepentingan progresif seperti modenisasi, kemajuan, pembangunan, konsumerisme dan gaya hidup kelas menengah. Melayu berteraskan modenisasi ini dapat diperhatikan berada di negeri-negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilsn dan Melaka. Kawasan ini juga dipanggil sebagai '*the commercial and industrial area of the west coast Peninsular Malaysia'*.

Sub-Kelompok Etno-Agama Ekstrimis

Manakala kelompok etno-agama ekstrismis Melayu seringkali mengembelingkan kepentingan politik Melayu dan Islam sebagai ciri-ciri utama mereka. Kelompok ini adalah kecil jumlahnya dan didapati berada bertaburan di seluruh negara. Mereka yang condong kepada etno-agama ekstrimis kebanyakannya berpendidikan akademik, aliran sains dan teknikal. Mereka suka menakutkan orang Melayu lain supaya memilih untuk bersama mereka dengan membicarakan kepupusan dan penghapusan kepentingan etnik dan agama mereka sebagai asas kewujudan mereka.

Taburan Sub-Kelompok Melayu di Semenanjung

Kelompok Melayu berteraskan agama dapat didapati tinggal di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebagai satu kawasan sosiologikal, kawasan ini dipanggil *'the Quranic Belt'* di mana jumlah penduduk di kawasan itu majoriti besarnya adalah Melayu.

Kelompok Melayu berteraskan agama dapat didapati tinggal di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebagai satu kawasan sosiologikal, kawasan ini dipanggil *'the Quranic Belt'* di mana jumlah penduduk di kawasan itu majoriti besarnya adalah Melayu.

Kategori Hubungan Etnik dan Agama Di Kalangan Etnik Melayu di Malaysia

Kategori hubungan etnik dan agama di Malaysia dapat dibahagikan kepada lima (5) kumpulan dan pembentukan kumpulan-kumpulan ini dicorak oleh pengalaman sejarah sosial yang dilalui oleh Malaysia itu sendiri.

Tahap Berkumpulan Keetnikan

Ada orang-orang Melayu yang bermain dengan corak tingkah laku *ethnic groupies* dalam kehidupan harian terutama pada peringkat awal penghijrahan, pengajian di universiti dan berkerja di tempat baru dan dalam suasana yang mencabar. *Ethnic groupies* seperti ini merupakan satu mekanisme proses penyesuaian diri dalam suasana baru dan mencabar. Rupa paras, warna kulit, bahasa, budaya, agama, dialek dan kenegerian sering dijadi cirri-ciri persamaan yang dicari apabila hubungan dengan individu yag tidak dikenali atau semasa berada di tempat baru mahu dibina.

Tahap Kumpulan Norma Sejagat

Pembangunan ekonomi yang telah berjaya membasmi kemiskinan dan membina kelas menengah yang besar di Malaysia dari tahun 1970-2000 telah melahirkan budaya hidup komersial di kalangan rakyat pelbagai budaya, di mana aspirasi dan pandangan hidup mereka dikongsi bersama dan ini telah membina hubungan saling bergantungan di antara satu sama lain hingga mewujudkan hubungan silang budaya yang melintas batas etnik. Kajian telah menunjukkan di dalam dekad 1990an batas etnik di kalangan masyarakat pelbagai etnik, bahasa, budaya dan agama adalah nipis dan hubungan mereka walaupun terdiri daripada dua individu berlainan kumpulan etnik dan agama adalah berbentuk hubungan sosial; perkiraan sosial lebih diutamakan dalam tindakan mereka dan bukan etnik. Orang-orang Melayu yang tergolong di dalam kumpulan ini terbina dimensi etnik dan agama mereka tetapi oleh kerana sudah terdedah dengan pendidikan yang baik dan memiliki budaya hidup kelas menengah telah memampukan mereka untuk mengurus kehidupan dalam masyarakat yang pelbagai dengan baik. (Mansor Mohd Noor, 1999)

Kepelbagaian dan ketidakseragaman hidup dari segi budaya, bahasa dan agama di kalangan rakyat Malaysia sudah boleh diterima, diperakui dan diraikan. Malahan sudah wujud ruang sosial yang luas di mana perkongsian kehidupan sudah lebih terbina di kalangan rakyat pelbagai budaya jika dibandingkan dengan perbezaan antara mereka. Jika ada perbezaan kehidupan pun, ianya sudah boleh diterima dan disepakati tanpa mempengaruhi hubungan sosial yang sudah terbina harmoni antara mereka. Struktur hubungan etnik di Malaysia di tahap ini lebih dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan etnik

yang batas mereka nipis dan hubungan antara mereka berdasarkan perkiraan non-etnik. Hubungan etnik di tahap ini lebih bersifat utilitarian dan mengikat mereka dalam jalinan silang budaya; merentas batas etnik dan agama masing-masing.

Tahap Kumpulan Memanipulasi Etnik dan Agama

Kumpulan memanipulasi etnik dan agama ini berselindung di sebalik wacana etnik dan keagamaan demi menjadikan agenda kepentingan material mereka sendiri sebagai agenda kumpulan etniknya. Seringkali ciri-ciri bahasa, budaya, agama dan kedudukan kumpulan etnik mereka dijadikan bahan retorik mereka untuk memastikan ahli-ahli kumpulan etnik mereka yang lain jadikan juga agenda mereka sebagai agenda koletif bersama. Pada hal setelah tuntutan itu dipersetujui bersama, golongan sosial tertentu di kalangan kumpulan enik mereka, terutama yang kaya dan berkuasa, akan lebih berkesampaian kepada sumber dan ganjaran material yang telah diputuskan itu.

Dalam masyarakat Melayu di Malaysia, barisan pemimpin yang manipulasi etnik ini akan pertahankan biasiswa, kemasukan ke universiti, projek ekonomi, bantuan model, tender-tender kerajaan dan sebagainya untuk kaum etniknya tetapi golongan dan kuncu-kuncu kelompok ini yang sering kali diberikan kemudahan itu. Ahli-ahli kumpulan etnik Melayu yang layak tetapi tidak mempunyai kabel untuk memperolehi bantuan dan projek ini akan terlepas dari dipilih dan diberi sumber material dipohon itu.

Selain dari golongan kaya dan berkuasa di atas yang sering memanipulasi etnik dan agama demi memperolehi sumber material dan kedudukan sosial yang diidamkan, kajian juga tingkah laku ini dilakukan oleh kumpulan sosial yang tidak berkuasa dan tidak bersuara. Etnik, agama hatta tuhan digembelingkan oleh mereka yang terabai dan pinggir ini kerana mereka yang bertanggung jawab sudah renggang dan tidak perihatin dengan masalah hidup dan keperluan harian dan keluarga mereka. Ini berlaku di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum ke 12 di mana orang Kelantan dalam tidak berkemampuan untuk berhadapan dengan jentera Barisan Nasional yang kaya dan kuat itu hanya berserah kepada Allah dengan hanya berdoa semoga Islam dan kepimpinan ulama kekal menerajui kerajaan negeri yang didokong oleh PAS.

Tahap Kumpulan Persaingan Negara Idamanan Melayu

Ada pula kumpulan-kumpulan etnik Melayu ini yang masih mencari-cari akan identiti bangsa dan negara yang diinginkan hingga tugas pembentukan negara dan negara bangsa, yang sudah diletakkan batu asasnya oleh perjuangan kemerdekaan, menjadi kabur dan tidak terbina secara consensus, terutamanya tentang isu kontrak sosial berdasar sejarah dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dari satu segi, perbahasan tentang isu-isu ini adalah perkara biasa kerana struktur umur dan pendidikan rakyat telah berubah.

Namun begitu laungan Ketuanan Melayu di kalangan UMNO, ketuanan Islam di kalangan PAS, ketuanan Melayu Raya di kalangan golongan sosialis sekitar tahun 50an hingga 60an, dan akhir-akhir ini sudah ada orang-orang Melayu sendiri yang

memperjuangkan Malaysian Malaysia terus dibahas demi memastikan kepentingan masing-masing terbela, berkedudukan dan masa hadapan mereka terjamin.

Perbahasan negara idaman ini akan terus berjalan dan dibahaskan hingga keadilan bersama boleh dirasai oleh setiap kelompok dan kumpulan etnik di Malaysia.

Tahap Kumpulan Etno-Agama Sempit Melayu

Namun begitu yang paling menakutkan masih ada individu di kalangan etnik Melayu dan mereka yang beragama Islam yang bermain dengan sentimen etno-agama yang sempit dan ekstrimis. Kelompok etno-agama serpihan ini perlu dikenalpasti jika tindakan ekstrimisme dan kecenderungan ke arah keganasan ingin ditangani. Kegiatan mereka terjelam melalui keganasan pergerakan Al Maunah yang merasakan pemerintah Malaysia perlu diguling melalui kesenjataan perang. Malahan selepas September 11, kumpulan etno-agama ekstrimis ini semakin menebal di kalangan pergerakan agama Islam seperti Jemaah Islamiah yang mahu menubuh Daulah Islamiah di Nusantra dan Jemaah Mujahideen Malaysia yang menentang penceroboh Amerika Syarikat di Iraq dan Afganishtan serta penyelesaian politik yang sentiasa gagal di Palestin.

Mengurus Kategori Etnik Di Malaysia

Punca kepada terbentuknya kelompok-kelompok perhubungan etnik seperti manipulasi etnik, perbahasan tentang identiti diri serta negara dan amalan bermain dengan sentimen etnisiti serta agama di atas perlu dikaji. Ini kerana tidak mustahil punca masalahnya bukan terletak pada dimensi perbezaan etnik, budaya, bahasa dan agama di antara mereka tetapi lebih disebabkan oleh perasaan berisiko etnik yang dialami oleh kerana kemunduran, pengangguran, kemiskinan, kepinggiran dan ketidaksamarataan dalam kehidupan serta masyarakat mereka.

Jika ini intipati masalah etnik di Malaysia, maka penyelesaiannya terletak bukan kepada asimilasi etnik tetapi pada *good and just governance* dalam pemerintahan negara ini. Acuan ekonomi negara yang menekan pertumbuhan ekonomi negara bersama pengagihan sumber material masyarakat antara etnik, agama, wilayah, bandar dan desa adalah asas kepada kejayaan negara ini untuk memakmur dan mensejahterakan masyarakat pelbagai budayanya. Oleh kerana itu, amat penting dipantau sentiasa hubungan sesuatu etnik atau sub-kelompok etnik itu dengan taraf kualiti hidup. Permulaan terjadinya hubungan etnik yang tegang, dan boleh melarat kepada konflik terjadi, dengan kumpulan etnik lain timbul kerana taraf kualiti hidup mereka rendah dan terabai.

Pergerakan Agama Di Malaysia

Dengan tersulam dua unsur tamadun barat dan timur, pengalaman sejarah sosial rasional-legal yang dicorak oleh penjajah Inggeris dan kesepaduan agama dengan politik dari KERAJAAN alam rumpun Melayu, agama dan pergerakan agama diarus perdanakan

melalui proses modenisasi yang mengutamakan kestabilan dan kemajuan di kalangan ahli, masyarakat dan negara. Pergerakan agama di Malaysia boleh diletak di atas garis traditional ke progresif.

Pergerakan Agama Traditional

Pergerakan agama traditional terdiri dari mereka yang mendapat pendidikan agama mereka di pondok-pondok pengajian di Malaysia. Asal usul etnik para ulama tradisional ini terdiri dari etnik Melayu. Ada di kalangan mereka ini yang melanjut pelajaran di universiti Al Azhar di Mesir, di India, Pakistan, Syria, Iraq dan sebagainya.

Di zaman Kesultanan Melayu dan semasa penjajah Inggeris, para ulama ini selain daripada membuka pondok, didapati juga menjadi iman di masjid DiRaja dan menjadi penasihat agama di Istana. Pada selepas negara memperolehi kemerdekaan, peranan para ulama ini semakin meluas. Ada di antara mereka yang menjadi ustaz, guru fardu'ain, mengajar di masjid, menjadi iman, berkerja dengan Majlis Agama Islam negeri-negeri, menjadi Kadhi dan jawatan tertinggi mereka boleh pegang di negeri itu adalah sebagai Mufti. Dengan tertubuh Jabatan Agama Islam (JAKIM), pemilik diploma dan ijazah pengajian Islam diberi banyak ruang untuk mengurus Islam dalam pelbagai kegiatan dan di setiap daerah di seluruh negara. Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang tinggi membuka ruang pemilik ilmu pengajian Islam terlibat dalam kegiatan ekonomi seperti Bank Islam, Takaful islam, Ar Rahnu Islam, pelancongan Islam dan sebagainya. Malahan setelah Sijil Tinggi Agama Malaysia diselaraskan, pelajar-pelajar sekolah agama dapat diterima masuk kke Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam pelbagai disiplin ilmu dari perguruan, Perbankan, Perakaunan, Sains Politik, Seni Bina dan sebagainya. Mereka bermula pendidikan dalam bidang agama tetapi setelah mendaki Institusi Pengajian Tinggi, disiplin yang terbuka kepada mereka telah berjaya melahirkan mereka untuk menjadi mukmin profesional.

Mereka sering tergolongan dalam bidang ilmu Islam bermazhab Shafie. Pandangan hidup golongan ini tentang agama Islam lebih bersifat ritual, terhad dan terbatas. Mereka jarang terlibat dalam pergerakan agama secara formal. Lebih senang menjadi ahli dan mengundi parti politik berteraskan agama seperti PAS. Ideologi politik mereka adalah untuk menubuh sebuah daulah Islamiah dengan Al Quran dan Hadith sebagai asas perlembagaan negara. Pelaksanaan hukum hudud menjadi pengukur tertegaknya sebuah negara itu Daulah Islamiah.

Pergerakan Kaum Muda

Pergerakan Kaum Muda timbul sekitar awal abad kedua puluhan di kalangan mereka yang mendapat pengajian di Pulau Jawa, Sumatera dan di Mekah. Asal usul etnik ulama di dalam kumpulan ini terdiri dari sub-etnik Melayu keturunan Arab. Mereka membawa pembaharuan agama dan semangat Islam Mohamad Abduh dan Al Afghani. Mereka berpegang dengan sunnah Ahli Sunnah Wal Jammah. Mereka banyak berhadapan dengan ulama tradicional terutama tentang amalan ibadat yang dianggap bida'ah.

Pergerakan Kaum Muda ini banyak membuat pembaharuan dalam pendidikan dengan menubuh Madrassah dan dalam media cetak seperti surat khabar, cerpin dan novel.

Kumpulan ini masih wujud dan berpecah kepada beberapa pergerakan agama yang baru tetapi suara-suara pembaharuan dan memerangi amalan bida'ah sering kali dijalan tanpa jemaah orang pendakwah bebas.

Pergerakan Kumpulan Belajar Islam Malaysia (MISG)

DEB membuka peluang bagi pelajar-pelajar Melayu untuk belajar di Malaysian dan di luar negara. Malaysian Islamic Study Group tumbuh macam cendawan di kalangan pelajar Malaysia di Amerika Syarikat dan Kanada. Semasa pelajar Malaysia berada di negera-negara barat ini, pertentangan rakyat Iran yang didokong oleh Ayatullah Khomeini dan Raja Shah Reza Iran yang didokong oleh Amerika Syarikat, membangkit semangat kesedaran Islam dan kepentingan membina balik roh Islam dalam diri, keluarga , masyarakat dan negara mereka.

Pelajar Malaysia di United Kingdom, Kanada, Australia dan Amerika Syarikat telah menubuhkan pergerakan agama Islam di kalangan mereka di mana sahaja mereka belajar. Mereka yang terlibat dalam pergerakan agama, bukan pertama kalinya bukan berpendidikan agama, tetapi berlatar belakang pengajian akademik. Dengan pemikiran rasional-legal yang dimiliki mereka hasil pembelajaran sains kimia, biologi, matematik, perniagaan, pentadbiran perniagaan dan lain-lain telah membina jiwa mereka untuk memiliki kesedaran, penghayatan dan jiwa perjuangan Islam yang tinggi. Mereka kembali ke tanah air bukan sahaja sebagai pensyarah, jurutera, arkitek, guru, pentadbir, peniaga dan lain-lain tetapi dengan memiliki pandangan dan tingkah laku hidup berdasar Islam sebagai cara hidup.

Jemaah Tabligh

Jemaah Tabligh adalah sebuah pergerakan agama yang diasaskan oleh Maulana Zakaria di India. Sekitar 1970an pergerakan Jemaah Tabligh ini mula bertapak di masjid-masjid yang dikuasai oleh orang Islam beretnikkan India dan Pakistan, terutama di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang. Mereka bersama pelajar Melayu yang belajar di India dan Pakistan dalam pengajian agama menjadi pengerak utama dalam menarik orang Melayu terlibat dalam kegiatan Jemaah Tabligh di masjid-masjid. Mereka menganjur pertemuan tahunan Jemaah Tabligh, memberi *bayan* di masjid, keluar berdakwah 3 hari dan 40 hari. Pengikut Jemaah Tabligh di Malaysia, seperti rakan seperjuangan mereka di negara-negara lain, sering memakai busana orang India islam.

Pergerakan Jemaah Tabligh telah berjaya menarik remaja Melayu yang belajar di universiti tempatan terutama dari aliran sains dan teknikal untuk terlibat dalam kegiatan-kegiatan mereka. Ada juga mereka yang belajar di universiti luar negeri, sekembali ke Malaysia turut menyambung penglibatan mereka dengan Jemaah Tabligh di sini.

Oleh kerana pergerakan Jemaat Tabligh melihat dunia sebagai 'najis' dan keutamaan membina taqwa adalah adalah perkara pokok dalam diri seseorang Islam, kegiatan yang diaturnya sering berlegar sekitar masjid hingga menimbul tanda tanya di mana peranan khalifatullahnya. Malahan bukan sahaja kegiatan selain dakwah tidak dijalan di tenagh masyarakat, terutamanya kegitan ekonomi, hanya dalam pertengahan 1990an baru kegiatan untuk para isteri pengikut Jemaah Tabligh dilaksanakan.

Jemaah Yayasan Darul Arqam

Jemaah Yayasan Darul Arqam atau lebih dikenali sebagai Al Arqam diasaskan oleh Ashaari Muhammad, seorang ustaz yang dilahirkan di Malaysia. Dia datang dari keluarga beragama aliran sufí. Berpendidikan di sekolah agama, beliau dipengaruhi oleh perkembangan pergerakan nasionalisme di Malaysia dan Indonesia. Semasa menjadi ustaz di sekolah agama, beliau terlibat dalam parti politik PAS.

Bersama rakan rapat beliau memulakan majlis pengajian agama di rumah sahabatnya, membuka perkampungan, dan memulakan membina Jemaah Al Arqam dengan menjalankan kursus kefahaman, penghayatan dan perjuangan Islam. Islam ditafsiran sebagai cara hidup. Ini melahirkan kegiatan ekonomi dari pengeluaran tahu, mee, kicap, cili sos dan lain, pendidikan dari nurseri, ke tadika, sekolah dan maktab perguruan, kesihatan dengan klinik pesakit luar dan klinik bersalin, percetakan dari surat khabar, majallah dan buku, budaya melalui nasyid, malam puisi Islam, kaset dan video, petanian dengan menanam sayur, bendang padi, menangkap ikan di laut, dan sebagainya. Al Arqam bergerak bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di barat melalui pelajar Malaysia di luar negara, Asia Tenggara, Timur Tengah dan Asia Tengah.

Pengikut Al Arqam terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat, profesional, pentadbir, peniaga, jurutera dan sebagainya. Walaupun ada di nkalangan mereka yang memiliki ilmu pengajian Islam, kepimpinan jemaah sering kali datang daripada golongan sekolah dan universiti awam. Oleh kerana perjuangan mereka berlandaskan sunnah nabi, mereka berpakaian jubah serban dan bagi wanitanya berpurdah. Mereka bergerak dari markas dan perkampungan di seluruh negara. Keadah melahirkan Islam secara hidup berteraskan sunnah nabi ini diterjemahkan diseluruh dunia.

Kekuatan pergerakan ini melahirkan Islam secara rasional-legal dan diikatkan dengan proses modenisasi dalam arus perdana. Pendekatan sufinya, mungkin melahirkan pengikut yang berakhlak, tetapi manipulasi amalan kerohaniah yang diikatkan dengan kemunculan Imam Al Mahdi, membuka ruang penyalahan guna kuasa di kalangan kepimpinan atasan terutama di kalangan keluarga terdekat pengasasnya. Walaupun pergerakan ini diharamkan oleh kerajaan dan pengasasnya mati dalam tahun 2010, modes operandi yang sama digunakan untuk memastikan Islam terus berkembangan. Oleh kerana jemaah ini mengugat keselamatan negara kerana mahu mengambil jawartan pucuk kepimpinan negara tidak melalui demokrasi, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di

Indonesia, keahliannya semakin mengecil dan nama jemaah bertukar ke A'ilyah, Rufaka, Global Ikhwan dan sekarang hanya dipanggil 'ajaran Khatijah Aam'

Jemaah Islah Malaysia

Jemaah Islah Malaysia bermula sebagai IRC di kalangan pelajar Malaysia di United Kingdom. Di Malaysia ia bertapak di kalangan pelajar kejuruteraan, teknikal dan sains, terutama di Universiti Teknologi Malaysia. Peringkat awal kumpulan ini bergerak tanpa nama terutama dengan menyembunyi pucuk kepimpinannya. Mereka bergerak melalui mengislamisasi ilmu di universiti awam, di dalam pekerjaan dan kehidupan. Hanya dalam tahun 1990an baru kumpulan ini bergerak secara terbuka dan terlibat dengan politik pembangkangan. Cita-cita kumpulan ini adalah untuk mengambil alih kuasa dari dalam sistem melalui demokrasi.

Angkatan Belia Islam

Angkatan Belia Islam bergerak pada awal 1970an, dan bergelanggan bersama dengan Jemaah Tabligh dan Al Arqam. Pergerakan agama ini lahir dari kegiatan sekumpulan Melayu yang berminat untuk meningkatkan pencapaian akademik Melayu dengan menubuh pusat tuisyen Yayasan anda. Sanu Junnid dan kemudian, Anuar Ibrahim adalah pengerak utama ABIM. ABIM berkembang melalui usrah di sekolah-sekolah menengah dan berasrama hingga ke universiti awam. Mereka juga menjalankan pelbagai kegiatan dakwah, Majlis pengajian, kursus dan sebagainya untuk menarik ahli-ahli untuk bersama berjuang dengan jemaah ini.

Pada tahun tahun 1990an, kepimpinan ABIM, Anuar Ibrahim, telah menerima tawaran untuk memasuki UMNO dan dilantik sebagai Menteri di beberapa Kementerian dan membawanya ke jawatan Timbalan Perdana Menteri. Pergerakan ABIM dari semenjak itu lebih tertumpun untuk mmengislam-ABIMkan UMNO dan memperkukuih kuasa golongan mereka di dalam parti politik itu.

Kepimpinan ABIM mula menjarak dengan akar umbi dan kegiatan berdakwah sudah menyempit kepada kegiatan barisan kepimpinan sahaja. Dengan terkeluarnya kepimpinan dari jawatan dalam kerajaan dan UMNO, beberapa kepimpinan dan pengikut ABIM telah terlibat dalam Pergerakan Reformasi dan menubuhkan Parti Keadilan. Dalam Pilihan Raya Umun 2008, bersama DAP dan PAS mereka menguasai beberapa Dewan Undangan Negeri dan mengurangkan dua pertiga majori BN di Parlimen. Namun begitu, oleh kerana ahli-ahli DUN dan Parlimen itu dari Parti Keadilan itu terdiri dari pelbagai etnik dan agama, teras perjuangan agama Islam didapati menjadi semakin menipis sebagai teras perjuangannya. Malahan banyak ahli-ahli ABIM berpendirian untuk keluar dari Parti Keadilan dan berkecimpung semula dalam ABIM sebagai wadah dakwah dan bukan perjuangan politik.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

Sebelum Perang Dunia Kedua, orang Melayu dipisahkan mengikut kerakyatan negeri masing-masing. Sekembali penjajah Inggeris ke Tanah Melayu, demi memperkukuhkan lagi penguasaan wilayah, sumber dan pasaran, telah mencadangkan penubuhan Malayan Union yang menidakkan kuasa kesultanan Melayu dan memberi kerakyatan kepada Cina, India dan lain dengan mudah. Sebagai reaksi kepada ancaman terhadap kuasa Sultan dan kedudukan orang Melayu, orang-orang seluruh Tanah Melayu telah membantah cadangan penjajah ini hingga tertubuh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Penubuhan UMNO dianggotai oleh setiap lapisan orang Melayu dari kerabat DiRaja, ke pembesar dan pentadbir negeri, ulama dan ustaz di pondok dan sekolah agama, karyawan, buruh, pengajar dan pelajar di sekolah serta disokong oleh pentadbir Inggeris di Tanah Melayu dan yang sudah bersara di United Kingdom.

Perjuang mereka adalah perjuangan yang mempertahankan wataniah; agama, bangsa dan tanah air. Oleh kerana kepimpinan mereka terdiri dari bangsawan dan pentadbir Melayu yang telah belajar di sekolah Inggeris dan di United Kingdom, pemikiran dan tindakan mereka lebih bersifat rasional-legal dan demokrasi. Oleh kerana pengikut-pengikut UMNO pula terdiri dari golongan Melayu yang mendapat pendidikan agama dan di sekolah Melayu, semangat nasionalisme mereka berpaksikan bahasa Melayu, budaya Melayu dan agama Islam. Dua polar pandangan hidup ini digabung dan tersulam bersama hingga melahirkan ideologi perjuangan UMNO hingga ke hari ini terdiri dengan dimensi agama, budaya, kestabilan-pemdemokrasian, kemajuan-pasaran dan pengurusan masyarakat pelbagai etnik sebagai teras budaya politiknya.

Setiap pucuk pemimpin UMNO mempunyai variasi 'ideologi UMNO', sesuai dengan latar sosial mereka. Onn Jaffar, seorang pentadbir dari Johor, terbina 'ideologi UMNO' bangasawan dan Melayunya. Tunku Abdul Rahman pula membawa watak anak raja dan terdidik di barat hingga pemerintahannya condong kepada membina keupayaan jentera urus tadbir, pembangunan, dan perluasan pengaruh pasaran *laissez faire* demi menguntungkan pelbagai kepentingan, terutama pemilik asing dalam ekonomi.

Tun Razak Hussain memula mencorak negara, selepas berlaku rusuhan etnik 13 Mei akibat jurang sosial dalam masyarakat mengikut bandar-desa, wilayah, etnik dan agama, dengan kepentingan anak watan seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan negeri-negeri. Perkongsian kuasa melalui Barisan Nasional, perkongsian ekonomi melalui DEB dan pembinaan etos bangsa berdasar bahasa Melayu, budaya Melayu dan agama Islam dijadikan teras pemerintahan. Hussein Onn meneruskan projek Tun Razak dengan memberi penekanan kepada keadilan dan perpaduan.

Mahathir Mohamad menyambung tugas pembangunan negara dan pembinaan negara bangsa kepiminpinan sebelumnya hingga negara berubah ke arah perindustrian, rakyat berbudaya kelas menengah dan terbina pengaruh sebagai sebuah negara Islam maju dan moderat di seluruh dunia. Abdullah Badawi mengukuhkan Wawasan 2020 Mahathir

dengan memberi penekanan kepada nilai dan integriti melalui Islam Hadhari dan Najid dengan gagasan 1Malaysia dengan menekan kembali pembinaan negara bangsa dan kemajuan negara berpendapatan tinggi yang diraih bersama rakyat pelbagai etnik.

UMNO dengan paksi ideologi rasional-legal, demokasi dan acuan kemelayuan berteras etnik dan beragama telah berjaya mengurus solidariti dan kemajuan negara hingga menjadi contoh di kalangan negara sedang membangun, bekas negara dijajah dan negara-negara Islam.

Parti Agama Islam SeMalaysia

Jemaah dan persatuan agama Islam sudah wujud sebelum UMNO ditubuh. Malahan UMNO itu sendiri telah didokong penubuhannya untuk menentang cadangan Malayan Union British oleh golongan ulama. Namun pengaruh terbukaan kepada pelbagai etnik dan agama yang dicadangkan oleh Onn Jaffar dan pragmatis politik pelbagai etnik, agama dan pasaran oleh Tunku Abdul Rahman menyebabkan kelompok agama dari dalam UMNO keluar untuk menegahkan PAS upaya sebuah Dauliah Islamiah berlandaskan Al Quran dan Hadith dapat ditubuhkan di Tanah Melayu dan Malaysia. Malahan 'negara Islam' UMNO tidak dianggap sebagai sebuah negara Islam selagi hukum huddud tidak dilaksanakan.

Pendokong pergerakan PAS terdiri dari ulama dan mereka yang terlibat dengan pengajian Islam di pondok, madrasah dan universiti di dalam dan di luar negara. Daulah Islamiah, Al Quran dan Hadith, Sunnah Rasullulah, Ad-deen, Syumul dan sebagainya menjadi kata kunci utama perjungan PAS dalam menubuh sebuah negara Islam melalui politik pilihan raya.

Barisan kepimpinan PAS juga telah melalui pelbagai bentuk 'ideologi daulah Islamiah'. Pada peringkat awal penubuhan PAS, Al Quran dan Hadith adalah asas Daulah Islamiahnya. Burhannuddin Helmi, membawa masuk kefahaman Islam, sufí dan nasionalisme-sosialis dalam PAS. Asri Muhammad pula dipengaruhi pergolakkan ketidak seimbang sosial 13 Mei telah berkerjasama denagn UMNO-BN dan bergerakan di atas ideologi Islam-nasionalis. Kebangkitan Revolusi Iran membawa masuk ideologi politik Iran ke dalam perjuangan PAS. Berlaku pertembungan Islam yang ditafsir oleh UMNO dan PAS; masing-masing tidak boleh menerima satu sama lain hingga membawa kepada amalan kafir-mengafir di antara mereka. Yusuf Rawa diganti oleh Haji Hadi yang meneruskan tradisi Daulah Islamiah walaupun dalam pilihan Raya Umum mereka membuat pakatan dengan parti politik seperti DAP dan Semangat 46. Kemasukan pempinan muda ke dalam PAS yang memiliki ijazah dalam pengajian Islam di Malaysia dan di luar negara telah menyulamkan budaya rasional-legal dan pemdemokrasian arus perdana ke dalam budaya dan amalan politik PAS. Dalam Pilihan Raya Umum 2008, PAS telah mengendurkan penekan Daulah Islamiah kepada ideologi negara kebajikan'.

Perubahan ideologi politik PAS dari Daulah Islkamiah ke Negara Kebajaikan telah membolehkan mereka membina ikatan politik dengan DAP dan Partai Keadilan Rakyat (PKR) hingga dapat menguasai Kelantan dan Kedah, berkerjasama dengan PKR di Selangor, Pulau Pinang, dan Perak. Namun begitu, pujukan UMNO yang merasakan kedudukan politiknya sudah tertugak, bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di Parlimen, telah membentuk beberapa kem politik di dalam PAS. Golongan muda PAS mahu menyambut jemputan UMNO dengan mengutamakan perpaduan ummah dan kem golongan tua diketuai Nik Aziz Nik Mat menolak cadangan itu agar tidak ditipu kembali oleh PAS sama berkerjasama dengan UMNO dalam tahun 70-80an dahulu.

PAS mungkin belum lagi menjadi parti politik yang menguasai negara dan kuasa politik di negeri pun berubah-ubah, tetapi tidak dapati dinafikan kebangkitan Islam, sumbangan penggubal dasar pembangun dan urus tadbir berdasar Islam banyak bermula dengan cadangan PAS di Parlimen dan ceramah-ceramah mereka di seluruh negara. Ini berlaku, kerana bukan sahaja pemimpin tetapi juga pengikut dan simpati PAS, sudah sebati dengan budaya politik rasional-legal, pendemokrasian dan kemajuan berteraskan acuan Melayu beragama. Ideologi politik PAS terapung-apung di antara Daulah Islamiah-Al Quran Hadith dan proses modeninasi yang tersulam di dalam UMNO, tetapi jika diananlisis perubahan masyarakat selepas PRU 12 di dalam PAS dan luar PAS, demi survival Islam dan PAS, tindakan untuk mengarus perdanakan PAS sudah menjadi pendekatan politik terkini.

Pendakwah Bebas Individu

Semasa era Mahathir Mohamad, percubaan mentafsir Islam secara progresif dilakukan di Malaysia. Pandangan ulama muktabar dan amalan beberapa jemaah Islamiah dipersoalkan dan tindakan untuk menghalang pergerakan itu dilakukan. Kepada parti PAS, Islam dicadang oleh beliau supaya dilarang menggunakan 'Islam', Jemaah Tabligh dilarang tidur di masjid dan Al Arqam dipersoalkan pakaian jubah serban dan purdahnya.

Rentetan pihak pemerintah ini telah melahirkan satu golongan pendakwah bebas yang menyebar melalui majlis-majlis pengajian agama mereka di masjid tentang pelbagai ilmu dan tafsiran tentang Islam. Ada di antara ulama bebas ini didokong oleh parti-parti politik, terutamanya PAS dan UMNO, tetapi kebanyakan adalah suara-suara ulama yang mahu membentang ilmu Islam daripada kitab-kitab Islam tersohor dalam bidang aqidah, sirah, tasawuf, tafsir Al quran dan Hadith. Oleh kerana kebanyakan ulama ini telah mendapat pendidikan di Malaysia dan luar negara dan masih berkerja denagn jentera kerajaan sebagi ustaz, guru dan pensyarah di maktab dan universiti awam. Pendekatan agama yang diambil oleh mereka didapati bersifat rasional-legal dan mampu memperbahaskan 'kitab-kitab tua' Islam ini dengan apa dengan yang sedang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu akan perjalan ekonomi, politik dan sosial negara. Program Majlis pengajian berjalan secara berkala dan boleh dicapai di sesawang pendakwah bebas itu. Mereka juga diberi ruang untuk terlibat dalam program di radio dan TV di Malaysia. Ada beberapa tokoh pendakwah bebas ini telah diberikan peranan oleh pihak berkuasa

untuk terlibatkan sebagai pakar dalam melaksanakan melahirkan projek dan kegiatan di dalam negara berteraskan Islam.

Pergerakan Etno-Agama Ekstrimisme dan Militan

Kebanyakan pergerakan agama yang terlibat dengan kegiatan etno-agama eskrimis yang berakhir dengan tindakan pengharaman ke atas mereka oleh pihak kerajaan telah bermula sebagai satu pergerakan agama yang juga telah diarus perdanakan berdasar acuan rasional-legal, pemdemokrasian dan Melayu beragama.

Pergerakan yang telah diharamkan adalah Jemaah Mujahideen Malaysia, Al Maunah, Al Arqam, Qardiani, Syiah Malaysia, Kerajaan Langit Ayah Pin, beberapa kumpulan tarikat dan lain-lain. Kumpulan-kumpulan agama yang telah diambil tindakan ini dapat dibahagi kepada dua kumpulan; penyelewengan aqidah serta keselamatan awam dan negara.

Al Maunah bermula sebagai pertubuhan silat tetapi selepas Pilihan Raya Umum 2004, mereka dapati harapan rakyat yang sudah bersedia dengan pemerintahan Islam dipermainkan oleh UMNO dan PAS. Mereka telah mengumpul senjata perang dari kem-kem tentera di utara Semenanjung dan berkubu di Perak untuk mendesak kerajaan menyerahkan kuasa negara kepada mereka. Tindakan pantas pihak Polis dan tentera terhadap kkumpulan ini telah menyelamat banyak jiwa. Barisan pemimpin mereka yang ditangkat dituduh di Mahkamah sebagai pengkhianat negara dihukum gantung dan ada yang dipenjara seumur hidup.

Jemaah Mujahideen Malaysia lahir di kalangan pelajar Malaysia yang belajar di Pakistan dan India. Pembelajaran mereka di kedua-dua tempat ini dipengaruhi oleh budaya ekstrimis-militan golongan Al Qaeda dan Mujahideen di dalam masyarakat setempat oleh kezaliman tentera Amerika Syarikat ke atas Iraq dan Afghanistan dan dasar negara itu di Timur Tengah yang memihak kepada rejim Israel. Mereka ini ada kaitan dengan PAS, tetapi kegiatan mereka lebih dikategorikan oleh pihak pemerintah dengan pergerakan yang mentafsir Islam secara sempit dan ganas. Barisan pemimpin mereka ditahan di bawah ISA.

Al Arqam diharamkan kerana mahu mengambil alih kuasa negara tanpa pendekatan politik. Pertubuhan mereka tidak didaftarkan dan mereka berbicara untuk mengambil alih kuasa politik negara tanpa mendaftar pertubuhan mereka sebagai sebuah parti politik yang akan bertanding di kawasan DUN dan Parlimen untuk meraih undi di dalam pilihan raya. Mereka mengugat pemerintah negara dengan mengishtiharkan pemimpin mereka akan diberi jawatan Perdana Menteri oleh Yang DiPertuan Agung Malaysia. Sebelum pengishtiharan mengambil alih kuasa negara ini, pergerakan ini telah mempersoalkan perjalanan ulama-ulama kerajaan dan institusi agama seperti Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam. Mereka beryakin yang Imam Mahdi akan dizahir di timur dan pemimpin mereka akan menjadi orang kanan kepada Al Mahdi itu. Malaysia dijangka akan menjadi negara tapak untuk kebangkitan Al Mahdi memerintah dunia ini dengan adil.

Pengharaman Al Arqam ini tidak berhenti di situ sahaja. Mereka menukar perjuangan mereka kepada A'ilah, Rufaka, Global Ikhwan dan akhirnya dinama oleh pihak pemerintah dengan nama 'Ajaran Khadijam Aam'. Di bawah kepiminpinan Khadijah Aam, Ashaari Muhammad akan menjadi Presiden Indonesia dan walaupun beliau telah meninggal dalam tahun 2010, pengikut mereka menanggap Ashaari akan kembeli semula untuk meneruskan kebangkitan Islam di akhir zaman ini.

Manakala pergerakan agama Qardiani, Syiah Malaysia, ajaran Ayah Pin, tarekat Hassan anak harimau dan lain-lain diharamkan kerana menyeleweng dari aqidah Ahlulu Sunnah wal Jemaah yang menjadi pegangan tauhid di Malaysia.

Pergerakan agama boleh diharamkan di Malaysia kerana KERAJAAN memsepadukan pengurusan agama dan politik dalam urus tadbir negara. Kerajaan Malaysia akan mengambil tindakan ke atas mana-pergerakan jika ia melibatkan penyelewengan aqidah dan mengugat keselamatan serta ketenteraman awam. Kerajaan akan memanggil untuk dikursuskan mereka yang terlibat dengan penyelewengan aqidah dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan digunakan ke atas mereka yang mengugat kestabilan negara.

Mengurus Modal Insan dan Agama Di Malaysia

Malaysia berdasar sejarah sosialnya telah mendekati agama dengan mengurus modal insane supaya cerdik dan baik dan agamanya melalui pentabiran hingga lahir institusi-institusi yang menjadi wadah Islam di peringkat pelaksanaan.

Melahir Modal Insan Seimbang: Manusia Cerdik, Rasional-Legal dan Baik

Mengikut Al Ghazali untuk melahirkan manusia yang cerdik dan baik maka manusia itu perlu dibangunkan. Manusia memiliki tiga komponen yang perlu dibangunkan. Komponen-komponen itu adalah hati, akal dan jasad. Hati menentu budi pekerti baik atau jahat seseorang individu itu. Akal bersifat logiko-analitika dan takkulan. Manakala jasad adalah anggota badan yang empat kerat pada tubuh badan manusia itu sebagai jentera pelaksana tindakan. Nabi Muhammad SAW berpendapat komponen yang terpenting dan raja dalam diri manusia adalah hati.

Pengukuhan kepada ketiga-tiga komponen dalam diri manusia itu adalah dengan memastikan hati sedar yang ia perlu melaksana perintah Allah untuk jadi baik. Apabila manusia tidak melaksana perintah Allah, sudah pasti tingkah lakunya itu akan diwarnai dengan akhlah terkeji. Akal jadi cerdik dengan membaca buku, berbincang, menjalankan penyelidikan dan menulis. Kegagalan untuk melakukan hal-hal ini sudah pasti melahirkan seorang individu yang tidak mampu memiliki minda yang boleh mentafsir, menjelas, menganalisa dan membuat jangkaan dalam kehidupan mereka. Manakala anggota badan jadi sehat dan kuat dengan pemakanan berzat. Ketidak kemampuan untuk mengambil pemakanan selaras dengan piramid pemakanan akan pasti melahir manusia yang lemah daya upaya jasadnya hingga membantu tindaknnya.

Manusia Rasionaliti

Kunci kepada pembangunan tamadun mengikut Max Weber adalah rasionaliti. Mengikut Weber, rasionaliti mengandungi enam dimensi, ia itu, 1. Tindakan bermatlamat, 2. Memahami sistem, institusional, pengurusan sumber dan proses, 3. Mengira keuntungan dan risiko, 4. Jati diri,.5 Nilai hidup dan 6. Menilai semula.

Rasionaliti-Kejar Dunia Kejar Akhirat

Rasionaliti Formal

Rasionaliti formal membina motif dan matlamat tindakan seseorang individu itu untuk mendapat ganjaran material dan kedudukan sosial dalam masyarakat. Dalam persekitaran ekonomi sedemikian, perkiraan untung dan kos menjadi pengukur setiap tindakan. Paksi kepada motif dan tindakan bermatlamat sedemikian memerlukan kepada dokongan sistem ekonomi yang mempertahankan hak individu dan harta. Maka nilai dan institutional dalam masyarakat bergerak di atas landasan komersial, rasional dan legal dalam pelakasanaannya.

Jika seseorang individu itu berkehendakkan duit, maka dia perlu melakukan satu perkerjaan. Jika dia mahu banyak duit lagi maka dia pelu buat banyak kerja lagi. Jika banyak duit lagi yang menjadi motif dan matlamat hidup maka, dia perlu membuat pelaburan dan mengunakan teknologi tercanggih dan terkini. Formula mengejar untung dan elak kos menjadi panduan dalam tindakan mereka.

Rasionaliti Substantif

Rasionaliti substantif pula membina motif dan matlamat tindakan seseorang individu itu untuk mendapat ganjaran dan kedudukan dalam masyarakat dari perspektif agama dan budaya. Jalur pemikiran ini melihat motif dan tindakan bermatlamat berdasar kebajikan sosial. Dengan keutamaan kebajikan sosial ini, pengukuran tindakan mereka terletak kepada mewujudkan solidariti masyarakat, perpaduan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat. Untuk memastikan kepentingan kestabilan dalam masyarakat terjamin, perancangan koletif perlu diwujudkan untuk mengurus keterbatasan material dalam masyarakat agar ketidaksamarataan, kemunduran, kemiskinan dan kepinggiran dapat ditangani demi memastikan masyarakat sentiasa sejahtera. Untuk mengukuk sistem rasionaliti substantif ini, pembentukan nilai, budaya dan agama adalah teras sistem pemikirannya.

Dari perspektif ini, jika seseorang memerlukan pahala maka dia perlu beribadah. Jika dia mahu lagi banyak pahala, maka lagi banyak ibadah perlu dilakukan. Tetapi berbeza dengan rasional formal, jika lagi banyak pahala yang menjadi motif dan matlamat hidupnya, maka dia perlu beribadah dengan dan bersama orang lain. Formula mengejar pahala dan mengelak dosa menjadi panduan dalam tindakan mereka.

Kedua-dua rasionaliti ini mesti bergerak serentak. Jika ianya terpisah terasing daripada satu sama lain, maka pembangunan tidak akan menjadi seimbang. Jika sesuatu masyarakat itu hanya terbina rasionaliti formal sahaja, pembangunan material dalam masyarakat mungkin tersegan indah dengan jalan raya, kereta dan bangunan pencakar langit Tetapi ketidak seimbangan pembangunan dalam masyarakat seperti itu akan wujud jurang kaya miskin, terjadi pengabaian golongan sosial yang tidak berkuasa dan berharta, indeks masalah sosial dan jenayah meningkat dan akhir sekali, tidak mustahil masyarakat itu akan dilanda dengan ketegangan dan konflik sosial. Tanpa *order* dalam masyarakat pasti kemajuan dan pembangunan dalam masyarakat akan terbantut.

Begitu juga jika rasionaliti substantif sahaja yang terbina, dorongan kebajikan dalam tindakan mereka akan menjamin kumpulan sosial yang memerlukan bantuan dan yang hidup melarat akan mendapat pembelaan untuk memastikan peluang hidup mereka juga terjamin di mana tolong menolong, saling hormat dan bertolak ansur menjadi amalan masyarakat. Pemikiran rasionaliti substantif mungkin dapat melahirkan masyarakat bahagia tetapi ia akan berjalan atas landasan perkongsian dan meratakan kemiskinan dalam masyarakat.

Hanya apabila kedua-dua rasionaliti ini terbina dan berjalan serentak dalam diri individu dan masyarakat baru pembangunan yang seimbang akan tercapai. Individu, masyarakat dan negara yang terbina kedua-dua rasionaliti ini akan memiliki pemikiran paradigm produktiviti, di mana motif dan tindakan individu tersebut akan melahirkan produk bukan sahaja dalam bentuk material tetapi juga perkhidmatan. Kerja-kerja berbentuk material bukan sahaja menjamin pulangan di dunia tetapi akhirat juga. Begitu juga kerja berbentuk perkhidmatan ianya mampu menjamin pulangan akhirat tetapi juga mendapat pulangan ganjaran dunia.

Pembangunan Insan dan Negara Seimbang

Pembangunan insan dan negara yang seimbang akan terserlah apabila kedua-dua rasionaliti, rasionaliti substantif dan rasionaliti formal, dapat ditanam dalam pemikiran dan pembangunan negara. Rasionaliti substantif akan melahir masyarakat yang aman di mana *order, solidarity, dan human security* terjamin. Manakala rasionaliti formal melahirkan masyarakat makmur di mana *progress dan social justice*.

Dengan kedua-dua rasionaliti ini terbina, modal insan dan negara akan memiliki paradigm produktiviti yang akan memastikan tindakan berdasar material atau pun

perkhidmatan, akan membuah produk hingga boleh menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan dalam negara. Inilah gambaran Islam tentang negara yang aman dan makmur yang mendapat pengampunan dari Allah SWT

Pelan Tindakan Untuk Individu

Tindakan Bermatlamat

Setiap manusia perlu memiliki cita-cita hidup. Cita-cita hidup ini akan membina visi-wawasan, misi-tujuan dan tindakan yang perlu dilakukan. Kita perlu menentukan apakah yang kita ingin jadi: mahu hidup makmur, selesa, selamat dan bahagia di dunia dan akhirat.

Untuk menentukan cita-cita hidup itu, kita perlu melihat minat, kemampuan diri dan berbincang dengan ibu bapa serta guru kerjaya.

Memahami, Sumber, Sistem, Institusional dan Proses

Untuk memastikan cita-cita hidup kita tercapai, ia perlu dilihat sebagai satu proses pembelajaran dan pembinaan kemahiran sepanjang hayat. Bermula dari perut ibu, semasa kecil, di sekolah, di universiti hingga ke tempat kerja hatta semasa di rumah bersama keluarga. Pembelajaran agama dan akademiknya mesti di tahap cemerlang, di mana dia disokong oleh bukan sahaja sekolahnya yang berkualiti tetapi juga disokong bersama oleh ibu bapa dan komunitinya untuk mengukuh perkembangan hidup dan pembelajarannya.

Untuk memastikan motif dan matlamat tindakan hidup ini tercapai, maka sumber dan bahan untuk perkembangan individu, pembelajaran dan latihan perlu disediakan. Individu itu juga perlu memiliki fokus, disiplin dan kerajinan dengan mengurus kehidupannya dengan seimbang untuk memasti ilmu dan kemahiran dapat dikuasainya. Setiap usaha yang dilakukan ini, perlu dilakukan untuk mendapat keredhaan Allah.

Mengira Keuntungan dan Risiko

Setelah menetap cita-cita hidup untuk dicapai dan dengan kesedaran ialah satu proses mengadun sumber, institusi dan sistem dalam satu proses untuk mencapainya, setiap individu itu perlu memastikan sasaran hidupnya, dari perkiraan jangka pendek dan jangka panjang memperolehi ganjaran yang disasarkan atau pun berhadapan dengan risiko sebaliknya.

Dalam keadaan ini, individu itu perlu perihatin dengan tinggi rendah tahap pencapaiannya dalam usaha dan tindakannya. Tengok apa kaitan kefahaman dalam pembelajaran itu dengan budaya berusaha di sekolah, universiti atau tempat kerja. Apabila memperolehi penilaian prestasi belajar dan berkerja, maka kena tengok ganjaran atau kos yang terpaksa ditanggung.

Individu itu juga kena periksa hubungan diaa dengan Allah, ibu bapa dan pembimbing-pembimbing dalam hidup dan pembelajarannya.

Nilai Hidup

Setiap individu mempunyai pandangan hidup yang akan mempengaruhi tindakannya. Pandangan hidup ini dicorak oleh sistem nilai yang dipegangnya. Dimensi budaya dan agama banyak berperanan untuk membina nilai dan pegangan hidupnya ini. Nilai hidup ini akan menjadi pemutus dalam memilih tindakan berdasar perkiraan salah atau betul, keadilan atau penganaiyaan, salah guna kuasa atau integriti, atau yang haq atau batil.

Kemampuan membina nilai diri yang baik dan cemerlang akan memastikan apabila tanggung jawab, amanah, kududukan, kerja, temu janji, pinjaman dan lain-lain, maka sudah pasti individu itu mampu untuk menuai apa yang diberikan itu.

Jati Diri

Banyak konsep yang dikaitkan dengan konsep jati diri; *self efficacy, self esteem, self worth, self actualization*. Konsep-konsep ini membentuk individu itu sendiri untuk memiliki jiwa yang kental, mampu berhadapan dengan tekanan hidup dari dalam diri sendiri dan cabaran dari luar.

Dari perspektif agama, jati diri kental ini bersifat bersyukur dengan Allah kerana sentiasa berjiwa positif dan tidak putus asas tanpa menggira cabaran yang mendatang; sikap mengalah tidak wujud dalam jati dirinya.

Menilai Semula

Individu terbina rasionaliti akan menilai tindakannya untuk melihat di mana kekuatan dan kelemahannya. Kekuatan dirinya mahu diperkukuhkan lagi dan kelemahannya mahu di atasi supaya hidupnya menetapi sasaran yang telah ditetapkan.

Ciri Modal Insan Cerdik, Baik dan Pembangunan Negara Seimbang

Dengan terbina modal insan yang cerdik, baik dan rasionaliti itu, individu itu akan mampu membina visi dan misi kehidupannya. Dia akan memiliki disiplin diri yang tinggi; rajin berusaha dan focus atas matlamat hidupnya. Ini akan memandu untuk dia berkerja dengan penuh minat walaupun mengambil masa sebanyak 18 jam sehari untuk mengejar cita-cita hidup itu. Dia akan kuat membaca dan tingkatkan kemahiran kerjaya dan kehidupannya walaupun terpaksa menguasai pelbagai bahasa. Ini bukan sahaja boleh mempertingkatkan idea-ideanya tetapi akan mengukuhkan penguasaan kemahiran komunikasi dengan lebih berkesan lagi. Modal insan dan kerasionalitian yang terbina itu

akan menjauhkan dirinya terperangakap dengan masalah dan rintangan teknikal. Akhirnya kerja yang ingin dilaksanakan itu dapat diusahakan perlu cepat dan segera.

Pengurusan Kesepaduan Politik dan Agama Dalam Negara

Modal insan bukan sahaja perlu cerdik dan baik, tetapi memerlukan sokongan institutional untuk memastikan aspirasi dan pilihan tindakan manusia itu dapat dirancang, dilaksana dan dinilai pencapaian.

Malaysia mengambil keadah berbeza dalam mengurus politik dan agama. Berbeza dengan pengalaman Perancis dan Amerika Syarikat, negara di timur termasuk Malaysia tidak mengamalkan pemisahan agama dari politik. Barat melalui pergerakan Reformasi Gereja, Revolusi Perancis, wacana sains dan teknologi, perindustrian dan dunia siber sekarang telah meletakkan budaya memperkasakan individu dengan kebebasan, keadilan dan kesaksamaan.

Negara di timur tidak mengalami sejarah sosial ini, malah kedatangan peniaga dan penjajah barat ke bumi timur, tidak mengubah budaya politik feudal setempat. Dalam masyarakat feudal seperti ini, individul tidak diajar akan hak asasinya tetapi lebih diutamakan supaya memahami peranan mereka dalam masyarakat; kepentingan koletif yang perlu diutamakan. Ini telah menyebabkan negara-negara di timur tidak mampu membina budaya mempertingkatkan perkembangan sains dan teknologi serta budaya analitikal dalam menganalisa masyarakat. Jadi kedatangan penjajahan barat telah memisahkan agama dari hal dunia dan mengukuhkan kepentingan ekonomi politik mereka hingga Islam lebih difahami dalam bentuk yang jumud dengan mengutamakan ritual dan membelakangkan pembangunan tamadun. Minda agama yang sempit ini telah berterusan mempengaruhi masyarakat Islam di Malaysia walaupun negara telah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 lagi. Masyarakat sedemikian memiliki modal budaya dan agama yang lebih memberi keutamaan kepada nilai serpihan dari nilai norma sejagat, nilai emotif daripada rasionaliti dan nilai masyarakat sosial tertutup daripada yang nilai masyarakat sosial terbuka.

Tetapi Malaysia tidak pula mengikut model pergerakan agama seperti Republik Iran dan PAS yang mahu agama itu teras kehidupan dan pemerintahan negara dengan kata pemutus berada di kepimpinan ulamak. Malaysia masih mengurus agama dengan membenar ulamak memberi tafsiran masing-masing tetapi tafsiran agama yang disepakati oleh ahli majlis fatwa kebangsaan akan dipindah ke dalam pemerintahan negara untuk dijadikan dasar dan program pembangunan bagi memenuhi keperluan agama dan pembangunan negara.

KERAJAAN Malaysia Mengurus Agama Dalam Pemerintahannya

Malaysia adalah sebuah negara contoh yang berjaya dalam mengurus dimensi agama dalam tadbirurus negaranya. Malaysia tidak menerima acuan politik pemerintahan barat yang memisah agama dari politik pemerintahan dan layak hanya diletak di geraja sahaja.

Malaysia juga tidak menerima acuan kumpulan beragama dalam pemerintahan seperti di Iran dan yang diperjuang oleh PAS dan Al Arqam, di mana pucuk pemimpin agama pergerakan itu yang akan menjadi kata pemutus kepada urusan pentadbiran negara.

Acuan kerajaan Malaysia tidak seperti barat kerana agama adalah satu daripada dimensi teras dalam pemerintahan negara dan juga tidak mengikut kehendak kumpulan agama kerana pemutus keputusan pemerintahan terletak di tangan kerajaan dan bukan ustaz, tok guru dan kiyai. Malaysia memberi ruang untuk wacana manusia tentang agama diperbahaskan dalam majlis ilmu, ceramah dan seminar tetapi hanya menerima tafsiran yang diterima oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Fatwa-fatwa yang dipersetujui ini akan dipindahkan ke dalam pelan tindakan oleh bahagian-bahagian di Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam negara seperti dengan tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa, Takaful Islam, pajak gadai Islam, sekolah menengah agama, etika pentadbiran dan perniagaan dan berbagai lagi.

Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ini dalam mengurus agama dalam pemerintahan dan menangi ektremisme dan keganasan agama telah berjaya mengasing komponen sensitif dan emotif dalam agama dari ruang umum dalam masyarakat dan pemerintahan negara. Kesan akhirnya adalah agama boleh berperanan ke arah pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negara dan kedudukan asasnya dalam kehidupan manusia terus kekal terjamin.

Akhir Kata

Pergerakan agama dalam sesebuah masyarakat perlu dikaji sebagai satu institusi yang lahir dan tercorak oleh lokasi sosiologikal sesebuah masyarakat itu juga. Imaginasi agama yang mendasari pandanagn hidup dan perjalanan sesebuah pergerakan agama itu mungkin boleh timbul dari pelbagai sumber, termasuk dari luar negara, tetapi surivalnya tertakluk kepada penerimaan oleh ahli-ahli dalam masyarakat setempat.

Ini bermakna sejarah sosial masyarakat setempat perlu dikaji dan diikat dengan perubahan sosial yang sedang berlaku di dalam masyarakat itu, untuk sesorang pengkaji itu untuk memahami pola dan análisis impak sesebuah pergerakan agama itu ke atas masyarakatnya.

Dari perbincangan di atas nyata bahawasanya, pergerakan agama di Malaysia terpaksa menyulamkan diri mereka dengan acuan rasional-legal, pemdemokrasian barat dan kesepaduan politik-agama masyarakat Melayu di Malaysia. Ini bermakna Islam yang dibawa masuk dari Timur Tengah dan India pada awal kurun ke 21 oleh tokoh pembaharuan agama dan dari barat oleh pelajar Malaysia dalam dekad 80an sebagai reaksi kepada kezaliman dasar luar Amerika Syarikat dan Revolusi Iran, telah diarus perdana melalui proses modeninasi yang ditinggal penjajah dan projek pembangunan negara serta negara bangsa yang dijalankan oleh KERAJAAN Malaysia. Islam yang dibawa oleh

Malaysia lebih bersifat institutional dan membangun tamadun dengan mengurus pasaran dan masyarakat pelbagai etnik dan agama.

Hanya dalam memahami kemampuan Malaysia mengarus perdanakan Islam dan bukan mengislamisasi setiap aspek kehidupan, institusi dan pemerintah negara, baru mana-mana pengkaji dapat memahami pasang surut pelaksanaan Islam dalam diri, masyarakat dan negara boleh berlaku.
Pasang surut kefahaman, penghayatan dan perjuangan Islam ini akan menimbulkan kesinanbungan, perubahan dan pergelutan yang boleh membawa ketidak sefahaman dan konflik di antara kumpulan pergerakan agama ini di dalam masyarakat.

RUJUKAN

Appel, Willa 1983 *Cults in America: Programme for paradise* New York: Henry Holt and Company
Bahthiar Effendy 2003 *Islam and the state in Indonesia* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
Banton, Michael. 1997. *Ethnic and racial consciousness* London: Longman.
______________. 1983 *Racial and ethnic competition.* Cambridge: Cambridge University Press.
Banton, M and Mansor Mohd Noor. 1992. The study of ethnic alignment: A new technique and an application in Malaysia. *Ethnic and Racial Studies* 15(4): 599-613.
Barth, Fredrik (ed). 1969. *Ethnic boundaries in the social organisation of cultural differences.* London: Allen and Unwin.
Chandra Muzaffar. 1987. *Islamic resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
Craib, Ian 1997 *Classical Social Theory* London Oxford University Press
Esposito, John L. and John o. Voll 1996 *Islam and democracy* New York: Oxford University Press
Finke, Roger 1997 The consequences of religious competition in Lawrence A. Young (ed) *Rational Choice Theory and Religion* London Routledge
Gambetta, D 1987 *Did they jump or were they pushed* Canbridge, Cambridge University Press
Geertz, Clifford. 1973. *The interpretation of cultures*. New York: Basic Books.
Hamilton, Malcolm B. 1995 *The sociology of religion* London Routledge
Hussin Mutalib. 1989. *Islam and ethnicity in Malay politics*. Singapore: Oxford University Press.
______________. *1992. Islam in Malaysia. From revivalism to Islamic state?* Singapore: Singapore University Press.
Iannaccone, L. R. 1997 Rational Choice: Framework for the scientific study of religion in Lawrence A. Young (ed) *Rational Choice Theory and Religion* London Routledge
Juergensmeyer, Mark 2001 *Terror in the mind of god: The global rise of religious violence* New Delhi: Oford University Press
Kurtz, Lester. 1995 *Gods in global village* Thousands Oak, Calif. Pine Forge Press
Louay M. Safi *The foundation of knowledge: a comparative study in Islamic and western methods of inquiry* Petaling Jaya: International Islamic universityMalaysia Press
Mansor Mohd Noor. 1999a. Crossing ethnic borders in Malaysia: Measuring the fluidity of ethnic boundary and group formation *Akademika* 55 (Julai):61-82

______________. 1999b Ethnic and religious conflict in Penang 4th Asean Inter-University Seminar on Social Development, Prince of Songkhla University, Pattani, Thailand

______________. 1999c International models of inter-religious dialogues: Ethics and business from a Muslim perspective" in Sybille Fritsch-Oppermann (Ed.) *Religionen und Wirtschaftethik-Wirtschaftsethik in den Religion*, Loccum: Evangelische Akademei

______________. 2000 "Social Conflicts in Indonesia and Malaysia: Could the Cause be Religious?" *Jurnal Kajian Malaysia* 1 & 2:188-206

Nagata, Judith. 1981. In defense of ethnic boundaries: The changing myths and charters of Malay identity. In *Ethnic change,* edited by Charles F. Keyes. Seattle: University of Washington Press.

___________. 1979. *Malaysian mosaic: Perspective from a poly-ethnic society.* Vancouver: University of British Columbia Press.

Naipul, Shiva 1981 *Black and white* London: Hamish Hamilton

Ramakrishna, Kumar (ed) 2002 *The new terrorism: anatomy, trends andcounter-strategies* Singapore: eastern universities Press

Regan, Daniel. 1977. Secular city? The religious orientations of intellectuals in Malaysia. In *Cultural pluralism in Malaysia: Polity, military, mass media, education, religion and social class* edited by John A Lent. Northern Illinois University, Special Report, No. 14. The Center for Southeast Asian Studies.

Robbins, Thomas and Susan J. Palmer (ed.) 1997 *Mellennium, mesiah and mayhem: Contemporary apocalyptic Movements* NewYork: Routledge

Shamsul A. B. 1996a. Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Southeast Asian Studies* (Kyoto University) 34(3): 476-99.

Singh, Bilver 2003 *ASEAN, Australia and the management of the Jemaah Islamiyah threat* Canberra: Australlian National University

Simmel, George 1971 *On individuality and social forms* Chicago University of Chicago Press

Stark, Rodney 1997 Bringing Theory Back In in Lawrence A. Young (ed) *Rational Choice Theory and Religion* London Routledge

Stern, Jessica 2003 *Terror in the name of god: Why religious militants kill* New York HarperCollins

Wallace, Ruth A. and Alison Wolf 1999 *Contemporary Sociological Theory* New Jersey Prentice Hall

Zabidi Mohamed 1998 Tersungkur di pintu 'syurga': The untold truth and inside story of Al Arqam and I.S.A. (Detention without trail) Kuala Lumpur: Zabidi Publication

______________2003 Maunah: Kebenaran yang sebenar Kuala Lumpur: Zabidi Publication

Zeenath Kausar 1994 *Islam and nationalism: An analysis of the views of Azad, Iqbal and Maududi* Kuala Lumpur: A.S. Nordeen